




UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

Laporan Tahunan

Ke Arah Memperkasakan
Keusahawanan



Entrepreneurship Is Our Thrust



» MAKLUMAT KORPORAT UNIVERSITI

- 1.1 Visi, Misi dan Objektif Universiti
- 1.2 Sejarah Ringkas Universiti
- 1.3 Strategi Teras Pembangunan Universiti
- 1.4 Carta Organisasi

1.1 Visi, Misi dan Objektif Universiti



VISI

Peneraju pembangunan modal insan bercirikan keusahawanan bagi kesejahteraan global. (*Championing human capital development with entrepreneurial qualities for global prosperity*).

MISI

UMK menyediakan:

- Program akademik berkualiti dan relevan,
- Penyelidikan dan inovasi dengan nilai komersial tinggi,
- Perkhidmatan yang memenuhi tanggungjawab sosial,

yang mampu meningkatkan daya saing dalam keusahawanan;

UMK sentiasa mengutamakan keperluan pelanggan dan memenuhi kehendak pasaran dengan menyediakan persekitaran kondusif; dan warga UMK berpengetahuan, berkemahiran dan komited mengamalkan budaya kerja profesional, mengurus secara partisipatif serta melaksanakan penambahbaikan berterusan.





OBJEKTIF

- Menyediakan kursus pengajian dan latihan dengan memberi penekanan kepada penghayatan ciri-ciri keusahawanan dan pembangunan insaniah merentasi kurikulum;
- Membangun modal insan berkualiti yang menyumbang dengan efektif kepada pembangunan negara dan dimanfaatkan oleh masyarakat;
- Membangun keupayaan staf dalam aspek pembelajaran sepanjang hayat (PSH), kepimpinan dan pengurusan;
- Membangun kapasiti dan keupayaan perusahaan kecil & sederhana (PKS) bagi meningkatkan daya saing dalam penjana kekayaan negara;
- Menyediakan infrastruktur dan sistem sokongan yang kondusif sebagai asas kepada pembangunan Universiti bertaraf dunia;
- Melaksanakan aktiviti pembangunan wilayah sejajar dengan rancangan pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECER);
- Mengamalkan sistem tadbir urus dan pengurusan kewangan yang efektif serta berintegriti tinggi.



1.2 Sejarah Ringkas Universiti Malaysia Kelantan



Penubuhan Universiti Malaysia Kelantan (UMK)

Penubuhan sebuah universiti di Negeri Kelantan telah dijadikan sebagai salah satu komponen dalam Rancangan Malaysia Ke-9 bagi menyokong pembangunan modal insan berkualiti dalam sektor pendidikan tinggi Negara.



Y.A.B Perdana Menteri Malaysia telah mengumumkan persetujuan kerajaan untuk menubuhkan sebuah universiti di Kelantan dalam pembentangan RMKe-9 pada 31 Mac 2006.

Penubuhan Universiti ini telah mendapat kelulusan daripada Jemaah Menteri dalam Mesyuarat Kabinet pada 14 Jun 2006.

Jemaah Menteri juga telah menetapkan supaya falsafah kurikulum pengajian di UMK berteraskan kepada pendidikan keusahawanan dan enterpris (entrepreneurship education and enterprises)





dalam semua program pengajian. Oleh itu frasa rangsangan seperti "*Entrepreneurship is Our Thrust*" dan "*Entrepreneurial University*" digunakan dengan meluas. Pengkhususan pengajian untuk pembangunan jangka masa pendek dan sederhana dikelompokkan kepada tiga bidang pengajian iaitu:

- 1) Keusahawanan dan Perniagaan;
- 2) Teknologi Kreatif dan Warisan; dan
- 3) Agro Industri dan Sains Sumber Asli.

Pada masa yang sama penekanan diberi kepada kemahiran bahasa dan kemahiran insaniah. Semua program pengajian bertujuan untuk melahirkan modal insan negara yang berkualiti tinggi (dengan minda kelas pertama) lengkap dengan ciri-ciri keusahawanan. Modal insan yang dihasilkan dimanfaatkan untuk kesejahteraan global dengan memberi perhatian kepada peningkatan keupayaan dan kemampuan Perusahaan Kecil dan Sederhana (*capability and capacity building of SME*) serta menyumbang kepada pembangunan masyarakat perdagangan yang bercirikan keusahawanan tinggi. Dalam semua pelaksanaan, teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) diguna sebagai pengupaya (*ICT as an enabler*).

Penubuhan Universiti ini tercatat dalam sejarah perundangan Negara setelah diwartakan pada 7 Disember

2006, P.U. (A) 415 sebagai sebuah universiti dengan nama dan gelaran "Universiti Malaysia Kelantan" berkuatkuasa pada 1 September 2006.

Universiti Malaysia Kelantan akan terus dibangunkan untuk memenuhi kehendak perintah perbadanan iaitu:



"Maka hendaklah ditubuhkan suatu institusi pengajian tinggi yang mempunyai taraf Universiti, sebagai suatu pertubuhan perbadanan, bagi maksud mengadakan, memajukan dan mengembangkan pengajian tinggi dalam bidang industri kecil dan sederhana, keusahawanan, perbankan, kewangan dan perniagaan Islam, bioteknologi, agrobioteknologi, biokimia, bioinformatik, seni dan rekabentuk kreatif, pengajian bahasa seperti bahasa Arab, bahasa Jepun, bahasa Perancis, bahasa Mandarin dan lain-lain, industri berasaskan pertanian, sumber asli dan industri pembuatan, dan bidang pengajian lain yang perlu, serta juga mengadakan penyelidikan dan pengumpulan dan pemuajuan pengetahuan, dan penyebaran pengetahuan dalam bidang pengajian itu." – **Warta Kerajaan P.U. (A) 415/2006.**

Naib Canselor pertama Universiti Malaysia Kelantan ialah Y.Bhg. Prof. Ir. Dr. Zainal bin Mohamed dilantik pada 1 Oktober 2006.

Pertumbuhan Universiti




Kampus Sementara UMK di Taman Bendahara beroperasi dengan rasminya pada 1 Julai 2007 apabila pelajar sulung UMK seramai 298 orang mendaftar. Pada tahun kedua operasi iaitu mulai Julai 2008, Universiti telah berjaya mendaftar seramai 332 orang pelajar dan pada Julai 2009, seramai 634 pelajar baharu telah mendaftar di UMK. Pada Julai 2010, seramai 622 pelajar baharu telah mendaftar dan pada September 2011, seramai 1,100 pelajar baharu mendaftar di UMK.

Pada September 2011, Universiti menawarkan 17 program pengajian pada peringkat Ijazah Sarjana Muda melalui empat fakulti, iaitu Fakulti Keusahawanan dan Perniagaan (FKP), Fakulti Agro Industri dan Sumber Asli (FASA), Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan (FTKW), dan yang terbaharu Fakulti Perubatan Veterinar (FPV).

Majlis Istiadat Pemasyihuran Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Canselor, Pengisytiharan Pelantikan Pro-Canselor dan Majlis Konvokeysen Pertama UMK diadakan pada 19 September 2011. Seramai 269 graduan yang terdiri daripada 266 pelajar prasiswazah dan tiga pelajar pascasiswazah Universiti Malaysia Kelantan (UMK) menerima ijazah masing-masing pada Majlis Konvokeysen Pertama UMK yang berlangsung di Hotel Grand Riverview, Kota Bharu, Kelantan.

Majlis Istiadat Pemasyihuran Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Canselor, Sultan Muhammad V, Sultan dan Yang Di Pertuan Negeri Kelantan Darulnaim sebagai Tuanku Canselor UMK dan Pengisytiharan Pelantikan Pro-Canselor UMK, Yang Teramat Mulia, Dr. Tengku Muhammad Fa-iz Petra ibni Sultan Ismail Petra,

Tengku Mahkota Kelantan turut diadakan pada Majlis Konvokesyen Pertama UMK.



Logo Universiti

Universiti telah memperkenalkan logo pada 16 Mac 2008. Logo merupakan simbol kuasa bagi mencerminkan imej Universiti. Reka bentuknya yang dinamik melambangkan ciri keusahawanan, pemikiran terbuka dan merentasi batasan masa.

Ringkasnya, logo Universiti mempunyai peranan yang signifikan dalam usaha menegaskan kewujudan Universiti Malaysia Kelantan, sebagai sebuah institusi pengajian tinggi yang berteraskan pendidikan keusahawanan dan penting di Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECER) khususnya, dan Malaysia amnya.



UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN



UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

Lagu Universiti



Lagu 'Terbilang UMK' telah diperkenalkan pada 8 Jun 2008, dicipta oleh Ariffin bin Pawanchik dan liriknya ditulis oleh Marwan bin Ismail. Lagu ini memberikan pengertian dan menggambarkan UMK mempunyai peranan penting sebagai gedung ilmu dan pembangunan modal insan bagi menghasilkan ilmuan, cendekiawan, kesarjanaan dan pekerja mahir untuk menyumbang kepada pembangunan sosioekonomi negara serta pemeliharaan warisan budaya dan sumber asli.



TERBILANG UMK

BIRU, JINGGA & MERAH WARNANYA
SEMANGAT SUMPAAH SETIA
INOVATIF, INTEGRITI
ILMU DITEROKAI

WARISAN BUDAYA SUMBER ASLI
KEUSAHAWANAN TERAS KAMI
KEKAYAAN AKAL & BUDI
MENDIDIK INSAN YANG SEJATI

MERINTIS PERUBAHAN TERKINI
DEMI-MU YANG MAHA PENCIPTA
MEREALISASI VISI MENJADI REALITI
DEMI NEGARA YANG TERCINTA

RELEVAN, UNIK & BERBEZA
PENJANA PERADABAN BANGSA
JANJI KAMI PADA SEMUA
TABURI JASA DI MANA JUA
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN
TERBILANG UMK



Peralatan Istiadat dan Lambang Kuasa Universiti

Universiti telah memperkenalkan peralatan istiadat secara rasminya pada 10 Ogos 2008 bersempena Majlis Istiadat Pemashyuran Tuanku Canselor Universiti Malaysia Kelantan. Peralatan istiadat tersebut adalah:

- a. Jubah bagi Canselor, Menteri, Pengerusi dan Ahli Lembaga Pengarah, Naib Canselor, Timbalan Naib Canselor, Ahli Senat, Ahli Akademik dan Pengurusan
- b. Cokmar, meja okmar dan kerusi Canselor
- c. Nama rasmi Cokmar UMK ialah Tuah Pendeta Bijak Laksana



UMK juga mengambil peluang sempena Majlis Konvokesyen Pertama pada 19 September 2011 untuk memperkenalkan nama rasmi Cokmar UMK iaitu Tuah Pendeta Bijak Laksana.

Tafsiran kepada nama Cokmar UMK adalah seperti berikut:

- i. Tuah membawa maksud UMK yang merupakan sebuah Institusi Pengajian Tinggi Awam yang berada di sebuah negara yang bertuah, Malaysia. Pangkal nama hulubalang Melayu yang terkenal iaitu Hang Tuah juga diambil kira bagi melambangkan kegagahan, keperkasaan dan keutuhan UMK.
- ii. Pendeta membawa maksud seorang ilmuan yang telah mencapai kemuncak pencapaian dalam pengajian sehingga menjadi rujukan orang.
- iii. Manakala bijak laksana pula membawa maksud kepintaran dalam bidang kepakaran dan juga kepintaran secara holistik yang tiada tolok bandingannya.
- iv. Secara ringkasnya nama Cokmar UMK membawa maksud satu alat kebesaran UMK yang perkasa, bertuah dan berada di sebuah negara yang makmur. Manakala UMK pula diterajui oleh pakar dalam bidang tertentu yang mendapat pengiktirafan dunia.

1.3 Strategi Teras Pembangunan Universiti

Lima (5) strategi teras dipilih dengan tujuan membangunkan keupayaan dan kemampuan Universiti bagi menyokong pertumbuhan:

Teras 1

Membangun dan mengantarabangsakan program pengajian serta aktiviti akademik Universiti untuk melahirkan modal insan berkualiti.

Teras 2

Menyediakan sumber manusia yang berpengetahuan, kompeten dan berintegriti.

Teras 3

Membangunkan infrastruktur yang menyokong falsafah pembangunan Universiti bertaraf dunia.

Teras 4

Mengamalkan sistem pengurusan dan tadbir urus yang mantap.

Teras 5

Menyumbang kepada kesejahteraan masyarakat dan industri.



Nilai Teras Organisasi

Setiap warga UMK yang terdiri daripada pelajar dan staf mendokong teras nilai yang sama bagi membentuk satu identiti Universiti. Tiga teras nilai utama UMK adalah kreatif dan inovatif, kesediaan untuk membuat dan menerima perubahan, dan bersikap profesional dalam segala tindakan.

Kreatif dan Inovatif

Sentiasa mempertingkatkan kualiti kerja dengan menambahbaik prosedur kerja dan memberi perhatian kepada amalan terbaik supaya penyampaian lebih efektif, lebih pantas (efisien) dan menambah kepuasan kepada pengguna. Memperkenalkan produk, kaedah atau pendekatan baru dalam penawaran perkhidmatan pendidikan keusahawanan dengan mengambil kira penyesuaian kepada perubahan persekitaran.




Menggunakan kreativiti dalam penyelesaian masalah yang rumit walaupun dengan sumber terhad tetapi kehendak pengguna dapat dipenuhi seperti yang diharapkan. Bersedia meneroka kepelbagaian kemungkinan dengan memperkenalkan idea baru dan unik bagi mencipta peluang-peluang baru.

Kesediaan untuk membuat dan menerima perubahan


Sedia mempelajari dan meneroka ilmu baru untuk meningkatkan keupayaan diri semasa melaksanakan tanggungjawab. Mengambil sikap positif kepada teguran yang membina sebagai proses pementapan hasil kerja. Sikap keterbukaan ini membentuk individu yang fleksibel, serba boleh, berdaya saing dan mempunyai ketahanan diri yang tinggi. Seterusnya bersedia menyesuaikan diri mengikut kehendak perubahan persekitaran kerja dan tanggungjawab.

Profesional

Berpengetahuan luas, berkemahiran dan kompeten dalam bidang kepakaran atau tanggungjawab. Mengutamakan pelaksanaan tanggungjawab dengan memainkan peranan secara efisien dan efektif mengikut disiplin tugas dan etika bidang kepakaran. Warga Universiti sentiasa memberi penekanan kepada pencapaian Visi UMK dengan mengamalkan sikap mesra dan rendah, berintegriti, partisipatif, jujur dan amanah, bertanggungjawab dan komited, dan bersyukur dan redha. Bersedia untuk memimpin dan memberikan kerjasama serta sokongan apabila dipimpin semasa melaksanakan tugas untuk Universiti.



1.4 Carta Organisasi





» CANSELOR

TUANKU CANSOLOR



KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA SULTAN MUHAMMAD V
D.K., D.M.N., D.K. (Selangor), D.K. (Negeri Sembilan), D.K. (Johor), D.K. (Perak), S.P.M.K., S.J.M.K., S.P.K.K., S.P.S.K.
SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN BAGI NEGERI KELANTAN DARULNAIM
DAN JAJAHAN TAKLUKNYA



» PRO - CANSELOR

PRO CANSELOR



YANG TERAMAT MULIA DR. TENGGU MUHAMMAD FA-IZ PETRA IBNI SULTAN ISMAIL PETRA
D.K., S.P.M.K.
TENGGU MAHKOTA KELANTAN



- 4.1 Kata-Kata Aluan Pengerusi Lembaga Pengarah
- 4.2 Lembaga Pengarah Universiti
- 4.3 Pengurusan Universiti 2012

4.1 Kata-Kata Aluan Pengerusi Lembaga Pengarah



Y. Bhg. Tan Sri Dato' Sri Hamad Kama Piah
Bin Che Othman
Pengerusi Lembaga Pengarah



Assalamualaikum wbt. wbh.

Terlebih dahulu saya memanjatkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah s.w.t kerana dengan izin dan limpah kurniaNya saya diberi kesempatan untuk berkongsi pencapaian Universiti Malaysia Kelantan (UMK) bagi tahun 2011 serta perancangan dan harapan Universiti bagi masa hadapan.

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Ilahi kerana UMK telah berjaya mengeluarkan graduan sulung setelah beroperasi selama 4 tahun. Tanggal 19 September 2011 merupakan hari yang bersejarah bagi UMK kerana hari tersebut merupakan Hari Konvokesyen pertama UMK. Seramai 266 pelajar telah berjaya mendapat Ijazah pertama mereka manakala tiga (3) pelajar berjaya menamatkan pengajian di peringkat sarjana. Saya juga turut berbangga kerana pencapaian UMK sebagai IPTA pertama yang mempunyai pelajar pascasiswazah pada konvokesyen pertama.

Sesuai dengan slogan "*Entrepreneurship is Our Thrust*". UMK akan terus ke hadapan dalam mendukung status sebagai sebuah Universiti Keusahawanan. Sehubungan dengan ini, UMK mengatur strategi untuk menyerlahkan pembudayaan keusahawanan merentasi kurikulum pengajian dan memperkukuhkan program-program yang sedia ada agar para pelajar mendapat pendekatan pembangunan

keusahawanan yang lebih terancang, holistik dan berimpak tinggi. Di samping itu, para pelajar juga turut mendapat pendedahan praktikal kemahiran perniagaan melalui program-program kerjasama dengan syarikat atau agensi-agensi luar yang menerajui pembudayaan keusahawanan.



Cabaran seterusnya bagi UMK adalah untuk membuktikan impak dan keberkesanan kurikulum universiti dalam melahirkan usahawan yang berinovasi dan berdaya saing dan dapat menyumbang kepada transformasi ekonomi negara, saya percaya atribut dan nilai keusahawanan boleh dipupuk dan pendedahan yang sesuai boleh mendorong lahirnya usahawan yang



berjaya. Oleh itu, saya mahu lihat lebih ramai lagi graduan UMK yang benar-benar berkecimpung dalam bidang perniagaan setelah diterapkan dengan pendedahan nilai-nilai dan kemahiran keusahawanan di UMK ini.

Saya sebagai Pengerusi Lembaga Pengarah UMK dan juga bagi mewakili semua ahli-ahli lembaga pengarah yang lain yakin UMK akan terus memacu kecemerlangan pada tahun-tahun akan datang dengan melahirkan graduan-graduan berkualiti yang dapat memenuhi keperluan industri. Usaha murni ini sangat memerlukan sokongan dan kerjasama daripada semua pihak terutamanya warga UMK. Jesteru, marilah kita bersama-sama berganding bahu dalam usaha yang telah direncanakan untuk mengangkat prestasi UMK pada tahap yang lebih tinggi lagi.

Sekian, terima kasih.

TAN SRI DATO' SRI HAMAD KAMA PIAH BIN CHE OTHMAN



4.2 Lembaga Pengarah Universiti



Y.Bhg. Tan Sri Dato' Sri Hamad Kama Piah
bin Che Othman
Pengerusi



Y.Bhg. Profesor Emeritus Dato' Ir Dr.
Zainai bin Mohamed
Ahli



Y.Bhg. Tan Sri Dr. Wan Abdul Aziz bin
Wan Abdullah
Ahli



Y.B Dato' Seri Setia Raja Dato' Haji
Mohd Aiseri bin Alias
Ahli



Y.B Datuk Haji Md Alwi bin Che Ahmad
Ahli



Y.Bhg. Dato' Mohammed Hussein
Ahli



Y.Bhg. Puan Yasmin binti Mahmood
Ahli



Y.Bhg. Dato' Mahamed bin Hussain
Ahli



En. Abdul Halim bin Abdul Rahman
Setiausaha

4.3 Pengurusan Universiti 2012



Y.Bhg. Prof. Dr. Raduan Bin Che Rose
Naib Canselor UMK



Y.Bhg. Prof. Dr. Roselina Binti Ahmad Saufi
*Timbalan Naib Canselor
(Akademik dan Antarabangsa)*



Y.Bhg. Prof. Madya Abdul Aziz bin Ab. Latif
*Timbalan Naib Canselor
(Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)*



Y.Bhg. Prof. Dr. Mohamad Kamal Bin Hj. Haron
Penolong Naib Canselor
(Penyelidikan, Inovasi & Keusahawanan)



Y.Bhg. Prof. Dr. Razli Bin Che Razak
Pendaftar



En. Mohd Yusri Bin Awang
Pemangku Bendahari



En. Azman Bin Hashim
Ketua Pustakawan



Y.Bhg. Prof. Datuk Abdul Halim Bin Sidek
Penasihat Undang-Undang



5.1 Laporan LPU

5.1 Laporan LPU



Fungsi dan kuasa Lembaga yang diperuntukkan mengikut Perlembagaan Universiti Malaysia Kelantan P.U. (A) 462 adalah seperti berikut:

- (1) Lembaga hendaklah menjadi badan yang mengelola, membuat dasar dan mengawasi Universiti, dan boleh menjalankan segala kuasa yang diberikan kepada Universiti kecuali setakat yang kuasa itu diberikan oleh Perlembagaan ini atau statut, kaedah-kaedah dan peraturan-peraturan kepada Pihak Berkuasa, badan atau kepada pegawai lain Universiti.
- (2) Tiada ketetapan boleh diluluskan oleh Lembaga berhubung dengan apa-apa perkara dalam kuasa Senat, tetapi Lembaga boleh menghantar pendapatnya kepada Senat mengenai apa-apa perkara dalam kuasa Senat, bagi pertimbangan Senat.
- (3) Sebagai tambahan kepada fungsi dan kuasa di bawah subseksyen (1), Lembaga hendaklah:
 - (a) Mengadakan perancangan pengawasan yang strategik yang bercirikan pendidikan dan misi Universiti;
 - (b) Menggalakkan pengurusan yang cekap dan berkesan dan mengadakan kajian semula yang menyeluruh mengenai operasi Universiti;



- (c) Membangunkan hubungan dengan masyarakat, sektor korporat dan industri;
- (d) Memupuk hubungan global dan keantarabangsaan berhubung dengan pelajaran tinggi dan penyelidikan;

- (e) Memastikan pelaksanaan Perlembagaan, undang-undang dan dasar Universiti dan untuk memastikan bahawa tiap-tiap Pihak Berkuasa, Jawatankuasa, Pegawai atau jawatankuasa sentiasa bertindak menurut kuasanya dan bidang tugasnya.

Jawatankuasa Lembaga

- (1) Lembaga boleh menubuhkan apa-apa jawatankuasa yang didapatinya perlu atau suai manfaat untuk membantunya dalam melaksanakan fungsinya.
- (2) Lembaga hendaklah memilih mana-mana ahlinya untuk menjadi pengerusi sesuatu jawatankuasa.
- (3) Lembaga boleh melantik mana-mana orang untuk menjadi ahli sesuatu jawatankuasa.
- (4) Seseorang ahli sesuatu jawatankuasa hendaklah memegang jawatan bagi apa-apa tempoh yang dinyatakan dalam surat cara pelantikannya dan layak untuk dilantik semula.
- (5) Pelantikan mana-mana ahli sesuatu jawatankuasa boleh pada bila-bila masa dibatalkan oleh Lembaga, dengan menyatakan sebab bagi pembatalan itu.



- (6) Lembaga boleh, pada bila-bila masa, memberhentikan atau mengubah keahlian sesuatu jawatankuasa.
- (7) Sesuatu jawatankuasa hendaklah tertakluk kepada, dan bertindak mengikut, apa-apa arahan yang diberikan kepadanya oleh Lembaga.
- (8) Mesyuarat sesuatu jawatankuasa hendaklah diadakan pada bila-bila masa dan di mana-mana tempat sebagaimana yang ditentukan oleh pengerusi jawatankuasa.
- (9) Sesuatu jawatankuasa hendaklah menyebabkan:
 - (a) minit semua mesyuaratnya disenggarakan dan disimpan dalam bentuk yang sepatutnya; dan
 - (b) salinan minit semua mesyuaratnya dikemukakan kepada Lembaga secepat yang dapat dilaksanakan.






- (10) Sesuatu jawatankuasa boleh mengundang mana-mana orang untuk menghadiri mana-mana mesyuaratnya bagi maksud menasihatnya tentang apa-apa perkara yang sedang dibincangkan tetapi orang itu tidak berhak untuk mengundi pada mesyuarat itu.
- (11) Ahli sesuatu jawatankuasa atau mana-mana orang yang diundang di bawah subseksyen (11) boleh dibayar apa-apa elaun dan belanja lain yang ditentukan oleh Lembaga.
- (12) Sesuatu jawatankuasa yang ditubuhkan di bawah seksyen ini boleh mengawal selia tatacaranya sendiri.



BIL	JAWATANKUASA/ Majlis	PERISTIWA
1	Majlis Universiti Malaysia Kelantan Action Group for Entrepreneurship (UMK AGE)	Satu Mesyuarat Majlis UMK AGE telah diadakan pada 14 Ogos 2011 di PNB Darby Park Executive Suites, Kuala Lumpur. Mesyuarat tersebut telah dipengerusikan oleh Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti, Tan Sri Dato' Sri Hamad Kama Piah bin Che Othman dan telah dihadiri oleh 18 ahli dari industri. Tiga agenda utama telah dibincangkan dalam mesyuarat tersebut iaitu Graduate Employability/ Preparations Leading to Graduation, Entrepreneurship Branding of UMK – Inisiatif Mencipta Perbezaan UMK dan Research/ PhD Industry/ Collaboration/ Training/ Development/ Mentoring.
2	Jawatankuasa Mencipta Perbezaan	Jawatankuasa Mencipta Perbezaan Universiti dipengerusikan oleh Ahli Lembaga Pengarah Universiti iaitu Puan Yasmin binti Mahmood. Pada tahun 2011, Jawatankuasa ini berjaya mengadakan mesyuarat sekali iaitu pada 19 Mei bertempat di Pejabat Kecil UMK Putrajaya. Mesyuarat tersebut diadakan bertujuan untuk merangka kembali gerak kerja Jawatankuasa Mencipta Perbezaan UMK serta membuat perancangan bagi meningkatkan pencapaian dan imej Universiti di dalam dan luar negara terutamanya sebagai sebuah Universiti Keusahawanan.
3	Jawatankuasa Tetap Kewangan (JTK)	Jawatankuasa Tetap Kewangan adalah jawatankuasa yang mewakili Lembaga Pengarah untuk melihat segala hal-hal yang berkaitan dengan kewangan. Pada tahun 2011, sebanyak empat (4) sidang mesyuarat telah diadakan iaitu pada 16 Mac, 12 Julai, 24 Ogos dan 12 Disember. Mesyuarat ini dipengerusikan oleh Lembaga Pengarah Universiti iaitu Dato Mohammed Hussein
4	Jawatankuasa Penyelarasan Pembangunan	Jawatankuasa Penyelarasan Pembangunan dipengerusikan oleh Dato' Seri Setia Raja Dato' Haji Aiseri bin Alias merangkap ahli lembaga pengarah Universiti. Jawatankuasa ini ditubuhkan bagi memantau dan menyelaras perkembangan pembangunan fizikal dikedua-dua kampus tetap UMK. Pada tahun 2011, mesyuarat jawatankuasa ini telah diadakan sebanyak dua (2) kali iaitu pada 27 Mac dan 2 Oktober 2011.
5	Jawatankuasa Pelaburan Universiti	Jawatankuasa Pelaburan Universiti telah mengadakan mesyuarat sebanyak dua (2) kali iaitu pada 7 Mac dan 12 Disember. Jawatankuasa ini adalah untuk memperakukan perancangan pelaburan yang ingin dibuat oleh Universiti.



6.1 Laporan Naib Canselor

6.1 Laporan Naib Canselor



Y.Bhg. Profesor Emeritus Dato' Ir Dr. Zainai
bin Mohamed
Naib Canselor



Bismillahirrahmanirrahim.
Assalamualaikum wrt. wbt, Salam Sejahtera &
Salam 1 Malaysia.

Sesi akademik di Universiti Malaysia Kelantan (UMK) bagi tahun 2011 melalui fasa transformasi yang ketara, dan pada tahun ini UMK telah mencapai usia operasi selama empat (4) tahun pada Julai 2011. Berpegang kepada slogan "Keusahawanan Teras Kami", UMK terus komited menghala tujuan dan menjulang keusahawanan bagi pementapan penyampaian pendidikan keusahawanan yang lebih terancang dan holistik kepada para pelajar UMK khususnya.

Berdasarkan konsep pembangunan UMK bagi tempoh tahun 2006 hingga 2020 seperti pada Rajah 1, pada tahun 2011 ini Universiti telah memasuki fasa "**Pembangunan**". Pembangunan dalam erti kata melengkap dan membangunkan keupayaan beroperasi melalui aspek staf yang berkelayakan, fizikal dan sistem tadbir urus organisasi.

Berdasarkan rajah di atas, dapat disimpulkan bahawa proses pembentukan dan peletakan asas UMK sebagai sebuah Institusi Pengajian Tinggi (IPT) telah selesai dan seluruh warga Universiti telah bersatu dan mensinergikan keupayaan

untuk mengorak langkah yang lebih pantas untuk mencapai prestasi yang lebih cemerlang dan membanggakan khususnya dalam tiga (3) bisnes teras Universiti iaitu pengajaran dan pembelajaran; penyelidikan dan pembangunan; serta perkhidmatan kepada masyarakat. Pelbagai program dan inisiatif telah dilaksanakan dan diberi sentuhan kreatif agar kewujudan UMK sentiasa relevan kepada keperluan semasa pemegang taruh (*stake holders*) dan unik sehingga menjadi rujukan IPT lain.



Ringkasan Fakta

Pengurusan Organisasi, Kewangan dan Pembangunan Fizikal



Pemantapan kapasiti sumber manusia terus menjadi agenda Universiti bagi mengimbangi nisbah bilangan pelajar pada Sesi Akademik 2011/2012 serta persediaan UMK untuk beroperasi penuh di tiga (3) lokasi Kampus UMK iaitu di Bachok, Jeli dan Pengkalan Chepa. Secara keseluruhan pada tahun 2011, Universiti telah meningkatkan sebanyak 36% lantikan staf akademik dan 25% lantikan staf bukan akademik berbanding pada tahun 2010. Manakala, tawaran cuti belajar kepada staf akademik juga meningkat 19% bagi memastikan Universiti mempunyai tenaga pengajar yang mencukupi sejajar dengan peningkatan enrolmen pelajar.





Pada tahun 2011, UMK telah menerima peningkatan peruntukan bagi belanja mengurus Universiti sebanyak 17% berbanding tahun 2010 dengan prestasi perbelanjaan 100% pada tahun kewangan berakhir. Manakala bagi peruntukan pembangunan, UMK hanya menerima baki agihan sebanyak RM3 juta daripada peruntukan Rancangan Malaysia Kesembilan (RMKe-9) yang masih belum disalurkan dalam tempoh berakhir RMKe-9 dan dijadikan peruntukan bagi putaran pelan fasa pertama ('*first rolling plan*') Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10). Tidak ada peruntukan pembangunan baru kepada UMK bagi tempoh '*first rolling plan*' RMKe-10. Sehingga tahun kewangan berakhir pada 31 Disember 2011, UMK telah berjaya menjana hasil berjumlah RM39,865,999 juta iaitu peningkatan sebanyak 6% berbanding jumlah penjanaan hasil tahun 2010 melalui pelbagai aktiviti tabung amanah Fakulti/Jabatan, aktiviti sokongan pelajar, program keusahawanan, penyelidikan serta perundingan.

Prestasi pembangunan fizikal Universiti secara keseluruhan kurang menepati jadual kerja khususnya di Kampus UMK Jeli yang sedikit sebanyak telah memberi impak kekurangan jumlah kemasukan pelajar baharu bagi Sesi Akademik 2011/2012 berikutan keluasan ruang lantai yang terhad di lokasi sedia ada di Kampus UMK Pengkalan Chepa. Walau bagaimanapun, pihak UMK telah berjaya menepati sasaran untuk memulakan operasi awal pentadbiran di dua (2) kampus baharu, iaitu Kampus Bachok dan Kampus Jeli. Disamping itu, UMK juga telah menyewa tiga (3) ruang premis baharu di sekitar Kota Bharu dan Bachok untuk dijadikan asrama pelajar berikutan asrama sedia ada di Pengkalan Chepa telah tidak dapat menampung pertambahan enrolmen pelajar.

Pengurusan Akademik



Universiti menambah penawaran tiga (3) program pengajian baharu peringkat pra siswazah pada Sesi Akademik 2011/2012 yang membawa jumlah enrolmen pelajar kepada 2,746 orang iaitu meningkat sebanyak 47%. Dari sejumlah tersebut, seramai 122 orang adalah pelajar Sarjana dan 45 orang pelajar Doktor Falsafah yang sedang mengikuti pengajian peringkat pasca siswazah secara penyelidikan. Komposisi pelajar di UMK adalah 70% pelajar perempuan dan 30% pelajar lelaki, dengan pecahan 33% pelajar mengikuti aliran sains dan 67% pelajar mengikuti aliran sastera. Tahun 2011 juga telah mencatatkan sejarah apabila Majlis Konvokesyen Pertama UMK telah berlangsung dengan gilang-gemilang dan penuh adat istiadat pada 19 September 2011 bersamaan 21 Syawal 1423 Hijrah di Dewan Puteri Sa'adong, Hotel Grand Riverview, Kota Bharu, Negeri Kelantan Darul Naim. Seramai 150 tetamu jemputan khas, termasuk 8 Rektor (& setaraf) dari luar Negara telah turut hadir. Pada Majlis Konvokesyen ini selain diadakan sesi penganugerahan Ijazah Sarjana dan Ijazah Sarjana Muda graduan sulung UMK, juga telah diadakan Istiadat Pemasyhuran bagi menzahirkan Kebawah Duli Yang Maha



Mulia Sultan Muhammad V, Sultan Dan Yang Di Pertuan Bagi Negeri Kelantan Darul Naim sebagai Canselor UMK yang kedua (ke-2).

Pada majlis tersebut juga telah diadakan Istiadat Perisytiharan Pelantikan Yang Teramat Mulia Dr. Tengku Muhammad Fa-lz Petra Ibni Sultan Ismail Petra, Tengku Mahkota Kelantan sebagai Pro-Canselor UMK yang pertama. Kedua-dua perisytiharan pemasyhuran Canselor dan pelantikan Pro-Canselor ini telah disempurnakan oleh YB Dato' Seri Mohamed Khaled bin Nordin, Menteri Pengajian Tinggi Malaysia.



Selepas Majlis Perisytiharan Pemasyhuran Canselor dan Pelantikan Pro-Canselor, Yang Teramat Mulia Dr. Tengku Muhammad Fa-lz Petra Ibni Sultan Ismail Petra, Tuanku Pro-Canselor telah berkenan untuk menyampaikan Ijazah Kehormat Doktor Keusahawanan (Pembangunan Modal Insan) kepada YABhg. Tun Dato' Seri Haji Abdullah Bin Haji Ahmad Badawi, Mantan Perdana Menteri Malaysia Kelima (ke-5), seorang tokoh negara yang telah banyak menyumbang kepada pembangunan UMK. Yang Teramat Mulia Tuanku Pro-Canselor juga telah berkenan untuk menyampaikan Ijazah

Sarjana kepada tiga (3) orang graduan dan menyampaikan Ijazah Sarjana Muda kepada 266 orang graduan sulung UMK. Pada majlis Konvokesyen Pertama ini juga seramai 11 orang graduan UMK telah menerima pelbagai anugerah akademik kerana kecemerlangan akademik dan ko-kurikulum semasa melanjutkan pengajian di Universiti ini.

Sebagai usaha untuk memantapkan kualiti akademik Universiti, pelbagai Program Sokongan Pembelajaran (PSP) juga telah dan terus dilaksanakan bagi memastikan perkhidmatan pengajaran dan pendidikan keusahawanan yang menjadi teras Universiti dapat disampaikan dengan berkesan kepada semua pelajar UMK. Antara program utama yang dilaksanakan ialah sesi ceramah khas oleh Duta Jepun, Tuan Yang Terutama Masahiko Horie kepada pelajar sempena lawatan kerja rasmi beliau ke UMK dengan tajuk ceramah "*Japanese experience on high technology – building a strong country brand*".

Dua program sokongan pembelajaran baharu yang telah diperkenalkan pada tahun 2011 adalah "*Intensive English Course (INTEC)*" khusus ditawarkan kepada pelajar tahun akhir UMK bagi melengkapi diri dengan kemahiran Bahasa Inggeris yang setara dengan agensi pensijilan lain yang diiktiraf oleh Senat Universiti. Program ini diwujudkan sebagai inisiatif pihak Universiti untuk membudayakan kepentingan bahasa tersebut sebagai salah satu atribut kebolehpasaran pelajar. Program kedua khusus untuk pelajar tahun akhir ialah "*Graduate Employment Assistance Training (GREAT)*" turut diadakan selama empat minggu sebagai salah satu projek di bawah "*Finishing School*".

UMK juga telah mewujudkan Program Persediaan Keusahawanan Sains (PPKS) iaitu satu program persediaan kemasukan ke UMK yang mendapat kelulusan dari Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) dan Majlis Amanah Rakyat (MARA) dengan pelaksanaan bersama Kolej MARA Kulim (KMKulim), Kedah.





Program ini bertujuan untuk memberi pendedahan pendidikan keusahawanan di kalangan warga muda sebagai inisiatif awal dalam proses pembelajaran yang dapat membuka ruang kepada warga muda supaya menjadi lebih kreatif, inovatif dan berdaya maju. Kumpulan pertama pengambilan pelajar PPKS ini telah dijalankan pada bulan Mei 2011 bagi memulakan pengajian persediaan pra siswazah Sesi Akademik 2011/2012.

Penulisan dan penerbitan buku ilmiah terutama dikalangan staf akademik Universiti juga meningkat kepada sembilan (9) buah pada tahun ini yang telah dilancarkan secara rasmi oleh Yang Teramat Mulia Tuanku Pro-Canselor pada 30 November 2011 sempena program lawatan rasmi dan ramah mesra Yang Teramat Mulia Tuanku Pro-Canselor kali pertama ke Kampus UMK Pengkalan Chepa. Disepanjang tahun 2011, sebanyak 55 kertas kerja akademik telah dibenteng oleh staf akademik Universiti di persidangan peringkat nasional dan antarabangsa antaranya di "International Conference on South-East Asia: Art, Cultural Heritage and Artistic Relations", Poland; "Conference on Social Entrepreneurship Perspectives", Austria; "International Conference on Arab-Malaysian Islamic Global Business and Entrepreneurship", Jordan; "International Conference on Energizing Animal Health for Better Livestock Production Under WTO Regime", India dan "Annual International Conference on Advances in Biotechnology", Singapura.

Pada tahun 2011, aktiviti penyelidikan Universiti dan yang berkaitan terus diusahakan. UMK telah mendapat satu (1) peruntukan di bawah skim penyelidikan baru yang diperkenalkan iaitu *Exploratory Research Grant Scheme (ERGS)*. UMK juga telah berjaya mendapat satu (1) geran dari Toray Foundation. Manakala 17 skim geran jangka pendek (SGJP) UMK telah diluluskan yang menggunakan sumber tabung dalaman. Universiti terus mengambil bahagian dalam projek perundingan berdasarkan sumber kepakaran Universiti yang ada dan telah mengumpul sejumlah lebih kurang RM606,000.00 dana perundingan khususnya di bawah projek penyelidikan perubahan veterinar dari Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECERDC).



Penyertaan UMK dalam pameran dan pertandingan penyelidikan/inovasi pada tahun 2011 juga meningkat kepada 25 penyertaan dan telah memperoleh sebanyak 13 pingat dari pelbagai kategori antaranya di *International Innovation & Technology Exhibition 2010 (ITEX'11)*, *Malaysia Technology Expo (MTE2011)*, *Pencipta 2011* dan *BioMalaysia 2011*. Pada tahun ini juga penyelidikan Universiti telah mencapai satu tahap lagi apabila empat (4) hasil penyelidikan awal telah berjaya dipatenkan dan penyelidik sedang giat menjalankan kerjasama bersama pihak industri bagi tujuan meneruskan ke tahap komersialisasi. Antara produk yang akan dihasilkan dari hasil penyelidikan tersebut adalah "*Detoxificant for Drug Addiction*", "*Aquaculture Food Product for Human Consumption*", "*Health Food Supplement*" dan "*Antibiotic Selective Kit for Veterinary Use*". Kesemuanya adalah hasil penyelidikan dalam bidang agro industri dan sains peternakan.



Pembangunan Holistik Pelajar

Tahun 2011 ini juga mencatatkan sejarah apabila UMK telah mempunyai kumpulan pertama Alumni seramai 269 orang yang bergraduasi pada Majlis Konvokeysen Pertama UMK. Objektif utama Universiti untuk menghasilkan modal insan yang mempunyai kecemerlangan akademik telah terbukti dengan kejayaan graduan sulung UMK ini dan, kejayaan yang lebih membanggakan apabila sebanyak 94% daripada graduan sulung ini telah bekerja dalam tempoh selepas tiga (3) bulan bergraduasi pada 19 September 2011 yang lalu. Berdasarkan laporan 'Tracer Study' Kementerian Pengajian Tinggi (KPT), seramai 26 orang (10%) graduan telah direkod sebagai menceburi bidang keusahawanan selepas bergraduasi iaitu melebihi dari sasaran awal 5% yang ditetapkan oleh pihak Universiti.

Dalam membentuk kecemerlangan pelajar, aspek akademik dan kokurikulum haruslah seimbang dan saling melengkapi antara satu sama lain. Sehubungan itu, pada tahun ini Universiti telah membuktikan komitmen terhadap usaha untuk melengkapi kemahiran pelajar dengan memperkenalkan program "*Graduate Enhancement Assistance Training Programme (GREAT)*". Program ini adalah latihan tambahan untuk pemantapan dan peningkatan kompetensi bakal graduan yang dijalankan dalam tempoh empat (4) tahun mengikut tema pemantapan personaliti, kemahiran komunikasi & interpersonal, keusahawanan sosial, perniagaan dan korporat.

Pembangunan Ekosistem Bagi Pembudayaan Keusahawanan Yang Kondusif & Cemerlang

Pembudayaan keusahawanan adalah usaha menyeluruh UMK dalam semua aspek tindakan bagi mewujudkan budaya dan ekosistem keusahawanan yang berpaksikan Enterprise UMK™. Dari aspek fizikal, pembangunan infrastruktur di tiga (3) kampus UMK sentiasa mengutamakan penyediaan ruang untuk aktiviti menjalankan perniagaan disamping penambahan koleksi bahan ilmiah yang sehingga kini hampir 30% bahan rujukan di Perpustakaan UMK adalah berkaitan dengan "keusahawanan". Selain dari ruang fizikal, bahan ilmiah, penubuhan koperasi/syarikat, inisiatif kewangan, pelbagai program sokongan keusahawanan berimpak tinggi juga telah banyak dilaksanakan.



Penganjuran Pesta Konvokeysen Pertama pada 15 – 19 Sept 2011 adalah merupakan suatu program pembudayaan keusahawanan dalam skala besar yang dianjurkan oleh Kelab Kebajikan Staf (KERIS) UMK yang melibatkan ramai pihak seperti pelajar, staf dan usahawan setempat yang boleh dimanfaatkan bersama oleh masyarakat setempat. Antara aktiviti pengisian pesta ini adalah Jamboree berbasikal, pelbagai siri seminar (bersama TEKUN, MAIK, Vendor UMK dan Agro Bisnes), perasmian Konvensyen KoSISWA (Koperasi Siswa Malaysia) serta pelbagai aktiviti pameran, jualan, sukaneka dan kenduri rakyat.



Program latihan kepada staf, pelajar dan masyarakat juga telah banyak dijalankan antaranya 'Entrepreneurial Leadership Training Programme Series' yang dianjurkan oleh UMK dengan kerjasama Akademik Kepimpinan Pengajian Tinggi (AKEPT) pada 11 – 12 Oktober 2011 yang dihadiri oleh peserta dari pelbagai IPT awam dan swasta, kolej komuniti serta politeknik. Program ini merupakan satu siri latihan pengukuhan kepada staf IPT khususnya dalam bidang kepimpinan bercirikan keusahawanan mengikut definisi UMK bahawa pendidikan keusahawanan sebagai satu proses pembentukan generasi baharu modal insan dengan pemikiran, nilai dan kualiti yang kreatif dan inovatif melalui pendekatan transformasi kepimpinan yang mampu memberi nilai tambah kepada sistem tadbir urus, rangkaian masyarakat dan pembangunan negara.

Agenda pengantarabangsaan terus menjadi antara fokus utama UMK sebagai usaha menyokong jenama Malaysia sebagai hub pendidikan tinggi serantau. Pada tahun ini, enrolmen pelajar antarabangsa UMK meningkat kepada 10 orang berbanding 2 orang pada tahun lalu yang mengikuti pengajian pra siswazah (2 orang) dan pasca siswazah (8 orang). Pengambilan staf akademik antarabangsa juga meningkat sebanyak 11% dan 23 orang staf akademik telah terlibat dalam program mobiliti ke luar negara melalui aktiviti pembentangan kertas kerja. Manakala penglibatan pelajar dalam program mobiliti antarabangsa



menunjukkan peningkatan yang ketara iaitu seramai 103 orang berbanding 10 orang pada tahun 2010. Pelajar yang terpilih telah diberi peluang mengikuti pelbagai pembelajaran baru di negara Thailand, Kemboja, Indonesia, China, Hong Kong dan Australia. UMK juga telah menjadi tuan rumah bagi program yang julung kali diadakan iaitu Pertandingan Debat "World Universities Peace Invitational Debate (WUPID)" Bahasa Melayu 2011 dan melibatkan 24 pasukan dari IPT dalam dan luar negara seperti Kemboja, Singapura, Turki serta Afghanistan.

Tanggungjawab Sosial Universiti (USR)

Berpegang kepada falsafah "memasyarakatkan perkhidmatan Universiti", UMK terus melaksanakan komitmen terhadap komuniti melalui pelbagai aktiviti perkongsian sumber sama ada dalam bentuk ilmu pengetahuan, kebendaan mahupun tenaga oleh warga UMK. Berfokuskan kepada agenda pembangunan sahsiah diri, pembudayaan ciri keusahawanan, pembasmian kemiskinan dan penjaanan ekonomi, Universiti terus menjalankan projek utama seperti 1 Program UMK 1 Daerah (1P1D), UMK Regional Network on Poverty Eradication (UMK-RENPER), Sekretariat ECER-KPT-UMK dan Social Enterprise for Economic Development (SEED).



UMK sentiasa menjalankan program khidmat sosial khususnya melibatkan penduduk di kawasan sekitar kampus, serta program lain yang telah dilaksanakan di dalam dan luar negara antaranya Kem Sains bersama Agilent Technologies Inc, Misi Bantuan Banjir di Pahang dan Johor, Program Gerak Gempur Kinabalu dan Khidmat Masyarakat, Program Pengantarabangsaan dan Kajian Psikologi Mangsa Bencana di Nanggroe Aceh Darussalam, dan Bakti Seribu Siswa yang melibatkan pelajar baharu seramai 1009 orang dan diadakan di sekitar Kota Bharu, Bachok, Pasir Puteh, Tanah Merah untuk mendekatkan UMK dengan masyarakat setempat selain bertujuan mempromosikan Pesta Konvokesyen Pertama UMK 2011.



Kesimpulan

Prestasi dan pencapaian bagi tahun 2011 merupakan sebahagian daripada usaha pembangunan holistik Universiti yang terancang dan berterusan dalam usaha melengkapkan proses kepada satu perjalanan. Selama tempoh empat (4) tahun operasi UMK, sebagai langkah pertama kepada satu perjalanan yang jauh, banyak perkara yang telah dicapai oleh Universiti khususnya dalam proses merekabentuk dan meletakkan asas organisasi UMK sebagai sebuah institusi pengajian tinggi (IPT). Segala pencapaian yang diperolehi telah membuktikan bahawa Universiti berada di landasan yang betul bagi meneruskan usaha untuk merealisasikan visi UMK untuk menjadi peneraju pembangunan modal insan bercirikan keusahawanan untuk kesejahteraan global dengan penekanan kepada enam (6) teras strategik Universiti iaitu pemantapan program pengajian, penyediaan sumber manusia yang kompeten, pembangunan infrastruktur yang kondusif, pentadbiran yang mantap, perkhidmatan kepada masyarakat dan pembudayaan keusahawanan.

Sebagai usaha untuk terus membangunkan sebuah 'Universiti Berteraskan Keusahawanan', UMK hendaklah mengatur langkah strategik bagi memastikan kecemerlangan Universiti berdaya saing dalam menongkah arus globalisasi pendidikan tinggi yang lebih mencabar. Pembangunan ekosistem Universiti yang lebih kondusif perlu diteruskan demi untuk merealisasikan agenda menjadi sebuah Universiti Keusahawanan ("*Entrepreneurial University*") yang terkemuka. Menjadi fokus utama UMK untuk membangunkan ekosistem Universiti seiring dengan melahirkan modal insan yang berkualiti.



Sehubungan itu, pembangunan pelajar holistik melalui penerapan pendidikan dan budaya keusahawanan turut menjadi agenda utama Universiti dalam usaha membentuk tenaga kerja manusia yang berilmu, berakhlak, berkemahiran, berdaya saing dan berdaya tahan. "Holistik" dalam konteks pembangunan modal insan tidak terbatas kepada disiplin ilmu dan pemantapan kemahiran sahaja, malah turut merangkumi aspek pembangunan minda, spiritual, sahsiah dan etika. Dengan kata lain, pembangunan modal insan turut memberi tumpuan kepada aspek "keinsanan" yang terbina menerusi falsafah hidup, pegangan agama dan dokongan moral. Pembudayaan keusahawanan ini juga tidak terhad kepada pelajar UMK sahaja, tetapi turut diterapkan di kalangan staf Universiti agar budaya dan ekosistem keusahawanan yang berpaksikan Enterprise UMK™ dapat diwujudkan.



*Jejak Susul Kenangan Tersua
 Mencari Tinggalan Warisan Budi
 Asal Usul Jangan Dilupa
 Menjadi Bekalan Muhasabah Diri*

*Asal Usul Universiti Malaysia Kelantan
 Sudah Empat Tahun Tidak Disedari
 Kami Berjanji Akan Terus Memartabatkan
 Agar Universiti Berimpak Dan Teguh Berdiri*

Sekian, wassalam dan terima kasih.

Prof. Emeritus Dato' Ir. Dr. Zainai bin Mohamed
 Naib Canselor



» 7.0 Pegawai Utama & Senat Universiti

7.0 Pegawai Utama & Senat Universiti



Pengerusi
 Y.Bhg. Prof. Emeritus Dato' Ir. Dr. Zainai bin Mohamed
 Naib Canselor UMK



Ahli
 Y.Bhg. Prof. Dato' Dr. Haji Mortaza bin Mohamed
 Timbalan Naib Canselor
 (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)



Ahli
 Y.Bhg. Prof. Dr. Haji Ibrahim bin Che Omar
 Dekan, Fakulti Agro Industri dan Sumber Asli



Ahli
 Y.Bhg. Prof. Madya Ab. Aziz bin Shuaib
 Dekan, Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan



Ahli
 Y.Bhg. Dr. Mohd Azam Khan bin Goriman Khan
 Pemangku Dekan, Fakulti Perubatan Veterinar



Ahli
Y.Bhg. Dr. Mohd Rafi B. Yaacob
Yang menjalankan Tugas Dekan Fakulti
Keusahawanan & Perniagaan



Ahli
Y.Bhg. Prof. Dr. Farok bin Zakaria
Pengarah, Pusat Pengajian Bahasa dan
Pembangunan Insaniah



Ahli
Y.Bhg. Prof. Rosdi bin Abd. Rahman
Pengarah, Pusat Pembangunan dan Pengurusan
Akademik



Ahli
Y.Bhg. Prof. Dr. Mohemad Dahlan bin Ibrahim
Pengarah, Pusat Pembelajaran dan
Pengembangan Keusahawanan



Ahli
Y.Bhg. Prof. Madya Abdul Aziz bin Ab. Latif
Pengurus, Pembangunan Perniagaan dan
Inkubator Universiti, Jabatan Canselori



Ahli
Y.Bhg. Prof. Dato' Dr. Adi bin Haji Taha
Felo Utama, Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan
Sehingga 14 Sept 2011



Ahli
 Y.Bhg. Prof. Madya Dr. Ahmad Anwar bin
 Mohamed Ismail
 Felo Utama, Fakulti Agro Industri dan Sumber Asli



Ahli
 Y.Bhg. Dr. Wan Zahari bin Mohamed
 Felo Utama, Fakulti Perubatan Veterinar



Ahli
 Y.Bhg. Prof. Dr. Haron@Che Haron bin Daud
 Felo Utama, Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan



Ahli
 Y.Bhg. Prof. Emeritus Dato' Dr. Mohd Nawi bin
 Ab. Rahman
 Profesor, Fakulti Keusahawanan dan Perniagaan
 Sehingga 31 Jan 2011



Ahli
 Y.Bhg. Prof. Dr. Awang Soh bin Mamat
 Profesor, Fakulti Agro Industri dan Sumber Asli
 Sehingga 23 Ogos 2011



Ahli
 Y.Bhg. Prof. Dr. Razak bin Wahab
 Profesor, Fakulti Agro Industri dan Sumber
 Asli



» 8.0 Pembudayaan Nilai Keusahawanan

8.0 Pembudayaan Nilai Keusahawanan



Sistem Pengurusan

Perdana Menteri, Y.A.B. Dato' Seri Abdullah Ahmad Badawi dalam pembentangan RMK 9 memberi fokus kepada pembangunan modal insan untuk menekankan sokongan dan bantuan bagi meningkatkan pembabitian masyarakat terutamanya golongan muda dan graduan universiti dalam Industri Kecil dan Sederhana (IKS) dan perusahaan peringkat tinggi.

Dalam menyokong visi kerajaan ini, UMK sebagai Universiti Keusahawanan telah meletakkan asas kepada usaha untuk memperkasakan pendidikan dan pembangunan keusahawanan dikalangan mahasiswa juga tidak terkecuali pembangunan dan pembentukan budaya pemikiran keusahawanan dikalangan masyarakat sekeliling.

Rajah 8.1 Konsep Pendidikan Keusahawanan



Kemahiran Keusahawanan
 Kemahiran Komunikasi
 Kemahiran Pengurusan
 Kemahiran Teknikal
 Kemahiran Insaniah
 Kemahiran IT



Niat Jihad
 Khalifah
 Semangat Budaya
Sistem ini digunakan semasa konvokesyen pertama UMK. Melalui sistem ini, pelajar boleh membuat pengesahan kehadiran ke majlis konvokesyen secara online. Pelajar juga boleh membuat semakan hutang tertunggak dan juga mengemaskini profil. Maklumat profil yang telah dikemaskini akan dimasukkan terus ke Sistem Alumni.





607A004
 Kursus
SBS
 Nama
ANNIE LO

- Menu Graduan
- Tahniah
- Sistem eGraduasi
 - Semakan Online
 - Pengesahan Kehadiran
 - Kemaskini Maklumat Alumni
- Keluar

...: Sekahang Tahniah Dari Kami ...


Pihak Universiti merakamkan ucapan tahniah di atas kejayaan saudara/i:

Nama : ANNIE LO
Kursus : SBS - SARJANA MUDA SAINS GUNAAN (KEUSAHAWANAN TEKNOLOGI PERTANIAN) DENGAN KEPUJIAN
Fakulti : A03 - FAKULTI AGRO INDUSTRI DAN SUMBER ASLI

kerana telah berjaya menamatkan pengajian di UMK dengan jayanya.

Saudara/i diminta untuk menyemak Statu Tunggakan Yuran / Hutang pada submenu Semakan Online dan **DIWAJIBKAN** membuat Pengesahan Kehadiran dan Kemaskini Maklumat Alumni.

Copyright © 2011 Universiti Malaysia Kelantan



19 September 2011 | 21 Syawal 1432H (Isnin)

UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

KONVOKESYEN 1
 UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN
 2011 Menjulung Keusahawanan

E-Tadbir : MyAkademik

TEACHING PLANNING

Programme :
 Semester :
 Course :
 KENEGARAAN DAN PEMBANGUNAN MALAYSIA

You are Course Coordinator.

Course Info

Code :
 Desc :
 Credit Hours :
 Faculty :

Contact Hour

Lecture : Tutorial :
 Lab :

MyAkademik juga merupakan salah satu sistem yang terdapat dalam Sistem E-tadbir yang mana ia terdiri daripada 4 bahagian utama iaitu Teaching &

Planning, Pemarkahan, Penasihat Akademik dan Pelaporan. Sistem ini mula dibangunkan pada bulan Mei 2011 dan mula digunakan pada penghujung 2011.

Objektif

Memudahkan lagi pengisian maklumat berkaitan oleh staf akademik.

Lain – Lain

Laporan Penarafan Bintang Bagi Pengumpulan dan Penghantaran Data Ke Sistem My mohes sesi 2 2010/2011

Universiti Berfokus					
IPTA	Peratus Masa 20%	Peratus Kesempurnaan 40%	Peratus Kualiti 40%	Peratus Keseluruhan Markah (%)	STARS
UMK	19.66	37.93	38.33	95.92	5★

b. Kemudahan ICT



Untuk meningkatkan kecekapan perkhidmatan dan penyenggaraan, UMK telah membuat perolehan secara sewaan peralatan ICT selari dengan penambahan staf dan pelajar. Jadual 12.3.1 menunjukkan jumlah komputer dimiliki oleh Jabatan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (JTMK) sehingga akhir tahun 2011. Untuk tahun 2011, tiada penambahan sewaan komputer memandangkan bilangan komputer yang sedia ada mencukupi untuk memenuhi keperluan UMK.

Jadual 12.3.1: Jumlah Unit Komputer Untuk Staf dan Pelajar Sehingga Akhir Tahun 2011

Kemudahan	Aset UMK	Sewaan	Jumlah
Komputer	220	608	828
Komputer Riba	31	277	308
Jumlah	251	885	1136

c. Memperkasakan Infrastruktur ICT

JTMK sentiasa meningkatkan pembangunan dan pengurusan Infrastruktur ICT Universiti. Antara aktiviti yang dijalankan bagi memperkasakan infrastruktur ICT adalah seperti berikut:-

- i. Menghubungkan Kampus Pengkalan Chepa, Bachok dan Jeli dengan kaedah *Internet Protocol Virtual Private Network (IPVPN)* menggunakan protokol *Border Gateway Protocol (BGP)* selaju 16Mbps dan 32Mbps beserta laluan rangkaian alternatif (Backup) sedia ada.
- ii. Menggunakan teknologi *Gigabit Ethernet (GE)* bagi rangkaian dalaman di Kampus Bachok dan Jeli dengan Backbone utama berkapasiti 10Gbps.
- iii. Perlaksanaan sistem telefon berasaskan *Internet Protocol (IP)* di kampus Jeli secara menyeluruh.
- iv. Penaiktarafan sistem keselamatan CCTV berdasarkan IP di Kampus Pengkalan Chepa
- v. Menyediakan perkhidmatan *wireless* Asrama Pelajar Kampus Bachok di Taman Bator Harmoni.



d. Memperkasakan Tadbir Urus ICT Universiti

- i. Untuk tahun 2011, JTMK telah memperkasakan sistem tadbir urus ICT Universiti dengan mengadakan:
 - a. Mesyuarat Pemandu ICT Universiti yang bertujuan untuk mendapatkan maklum balas daripada pihak pengurusan PTJ akan keperluan ICT di jabatan masing-masing.
 - b. Mesyuarat Eksekutif JTMK yang bertujuan untuk:
 - i. Memperkemaskan sistem pentadbiran jabatan.
 - ii. Memantau pematuhan polisi dan dasar ICT.
 - iii. Status prestasi semasa projek.
 - iv. Membincangkan isu-isu semasa berkaitan ICT.



e. Implikasi Kewangan



Pada tahun 2011, JTMK telah membelanjakan RM 5,916,107.00 iaitu 178.7% daripada peruntukan asal yang diberikan RM 3,311,000.00. Sehubungan itu, JTMK telah menerima peruntukan tambahan sebanyak RM 2,089,904.00.



13.1 Diari Peristiwa UMK 2011

13.1 Diari Peristiwa UMK 2011

Antara peristiwa Universiti sepanjang tahun 2011 adalah seperti jadual berikut:



TARIKH	PERISTIWA
9 Januari	Perhimpunan Bulanan Naib Canselor bersama staf UMK dan Majlis Amanat Tahun Baharu 2011 di UMK Kampus Pengkalan Chepa.
13 Januari	Majlis Pelancaran Jom Amal 8S dan Majlis Anugerah Dekan Pelajar Fakulti Agro Industri dan Sumber Asli (FASA) Sesi Akademik 2010/2011 di UMK Kampus Pengkalan Chepa.
21 Januari	Program <i>The Entrepreneurial Week Bazaar</i> anjuran Fakulti Keusahawanan dan Perniagaan di Perkarangan Asrama, UMK Kampus Pengkalan Chepa.
21 Januari	Lawatan Kelab Pembimbing Rakan Siswa (PRS) UMK ke Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM), Melaka.
21 – 22 Januari	Program Kem Nukleus anjuran Fakulti Agro Industri dan Sumber Asli (FASA) di Kem Danau, Pasir Mas, Kelantan.
25 Januari	Lawatan Duta Jepun ke Malaysia, Tuan Yang Terutama (TYT), H.E. Masahiko Horie ke UMK Kampus Pengkalan Chepa.
25 Januari	Lawatan Duta Jepun ke Malaysia, Tuan Yang Terutama (TYT), H.E. Masahiko Horie ke UMK Kampus Pengkalan Chepa.
27 Januari	Lawatan <i>International Center For Education In Islamic Finance (INCEIF)</i> ke UMK Kampus Pengkalan Chepa.
28 Januari	UMK berjaya merangkul Anugerah Saron Wangsa Utama, Majlis Kebudayaan Universiti-Universiti Malaysia (MAKUM) 2010 anjuran Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) di Hotel Putra Palace, Kangar, Perlis.
7 Februari	Forum Bicara Keluarga bertajuk Poligami: Semanis Madu, Sepahit Hempedu anjuran Unit Islam dan Pembangunan Nilai (UniPeN) di UMK Kampus Pengkalan Chepa.
10 Februari	Kunjungan pelakon teater dan drama TV, Pn. Juhara binti Ayob ke UMK Kampus Pengkalan Chepa sebagai pemsyarah tamu di Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan (FTKW).
10 – 11 Februari	UMK menyertai pameran pendidikan 20th Indonesia <i>International Exhibition for Education and Training</i> di Jakarta Convention Centre, Indonesia.
12 Februari	Lawatan Kerja <i>University of South Australia (UniSA)</i> ke UMK Kampus Pengkalan Chepa.

12 – 13 Februari	UMK menyertai Operasi Pembersihan Kawasan Banjir di Parlimen Pagoh, Johor bersama lebih 2,000 sukarelawan termasuk 1,200 mahasiswa dan kakitangan 14 Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA).
12 – 13 Februari	UMK menjadi Tuan Rumah kepada Karnival Pengajian Tinggi Negara (KPTN) 2010 'Jom Masuk U' di Kelantan Trade Centre, Kota Bharu, Kelantan.
13 Februari	Lawatan Muhibbah Pengurusan Universiti Tenaga Nasional Kampus Sultan Haji Ahmad Shah (KSHAS) ke UMK Kampus Pengkalan Chepa.
13 Februari	Lawatan Muhibbah Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, YB Datuk Seri Noh bin Omar ke UMK Kampus Pengkalan Chepa.
15 Februari	Majlis Sambutan Maulidur Rasul Peringkat UMK anjuran Unit Islam dan Pembangunan Nilai (UniPeN) di UMK Kampus Pengkalan Chepa.
17 – 19 Februari	Penyelidik UMK daripada Fakulti Agro Industri dan Sumber Asli (FASA) meraih tiga pingat gangsa dalam Pameran Teknologi Malaysia (MTE) 2011 yang berlangsung di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC).
18 Februari	Sambutan Tahun Baharu Cina peringkat UMK 2011 di UMK Kampus Pengkalan Chepa.
19 Februari	Program <i>Chairman Lecture Series (CLS)</i> Ke-14 bertemakan <i>Distribution Strategies: Challenges for SMEs in Malaysia</i> yang disampaikan oleh Presiden Avon Cosmetics Sdn. Bhd. (Malaysia, Thailand, Vietnam dan Indonesia), En. Wan Mansoor bin Wan Abdullah dan Pensyarah Kanan Fakulti Keusahawanan dan Perniagaan (FKP), Dr. Mohd Rafi bin Yaacob di Hotel Grand Riverview, Kota Bharu, Kelantan.
19 Februari	Fakulti Agro Industri dan Sumber Asli (FASA) Award Night 2011 anjuran FASA di UMK Kampus Pengkalan Chepa.
20 Februari	Lawatan Sambil Belajar Politeknik Nilai, Negeri Sembilan ke UMK Kampus Pengkalan Chepa.
21 Februari	Lawatan Kerjasama Universiti Kuala Lumpur (UniKL) ke UMK Kampus Pengkalan Chepa.
21 Februari	Pemilihan Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) UMK 2011/2012 di UMK Kampus Pengkalan Chepa.
22 Februari	Program Wacana <i>Bioethics & Professionalism</i> anjuran Pusat Pengajian Bahasa dan Pembangunan Insaniah (PPBPI) disampaikan oleh Prof. Dr. Maude Elvira Phipps, <i>School of Medicine and Health Science, Monash University</i> , Kuala Lumpur.
25 Februari	Lawatan Muhibbah Timbalan Menteri Pengajian Tinggi 1, YB Dato' Dr. Hou Kok Chung ke UMK Kampus Pengkalan Chepa.
26 Februari	Sambutan Pesta Ponggal peringkat UMK 2011 di UMK Kampus Pengkalan Chepa.
1 Mac	Lawatan Kerja <i>Alliance College of Medical Sciences (ACMS)</i> ke UMK Kampus Pengkalan Chepa.
4 Mac	Lawatan Penolong Naib Canselor (Hubungan Industri dan Masyarakat) Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM), Prof. Dr. Jailani bin Md Yunos ke UMK Kampus Pengkalan Chepa.
4 – 5 Mac	Bengkel Penilaian Misi Kemanusiaan Padang kerjasama antara UMK-Universiti Tun Hussein Onn (UTHM) dan Politeknik Negeri Padang Indonesia diadakan di UMK Kampus Pengkalan Chepa.





5 Mac	Latihan Menembak Anggota Kor SUKSIK UMK di Lapang Sasar, Gunong, Bachok, Kelantan.
5 Mac	Ceramah Perdana Profesor (Siri 1) anjuran Fakulti Agro Industri dan Sumber Asli (FASA) disampaikan oleh Ketua Jabatan Sains Bumi FASA, Prof. Dr. Razak bin Wahab di UMK Kampus Pengkalan Chepa.
6 Mac	<i>International Film Showcase 2011</i> anjuran Pusat Pengajian Bahasa dan Pembangunan Insaniah (PPBPI) di UMK Kampus Pengkalan Chepa.
9 Mac	Program Sembang-Sembang Usahawan Wanita bertajuk 'Cabaran Dunia Perniagaan – Mitos atau Realiti?' anjuran Kedutaan Amerika Syarikat di Malaysia, Warisan Global Sdn. Bhd. dengan kerjasama UMK di UMK Kampus Pengkalan Chepa.
12 Mac	Program Wacana Falsafah Ilmu bertajuk 'Peri Ilmu dan Pandangan Alam' anjuran Pusat Pengajian Bahasa dan Pembangunan Insaniah (PPBPI) di UMK Kampus Pengkalan Chepa.
12 Mac	UMK menyertai Kejohanan Bola Sepak Liga Institusi Pengajian Tinggi (IPT) di Universiti Malaysia Terengganu (UMT), Terengganu.
19 Mac	Hari Bertemu Pelanggan UMK 2011 anjuran Pusat Komunikasi Korporat (PKK), Jabatan Canselori di Dewan Auditorium, Kompleks Majlis Amanah Rakyat (MARA) Negeri Kelantan.
19 Mac	Festival Wau Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan (FTKW)-UMK 2011 anjuran FTKW dengan kerjasama Majlis Pelayang Malaysia di UMK Kampus Bachok.
21 Mac	Majlis Penyerahan Surat Pelantikan Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) UMK Sesi 2011/2012 di UMK Kampus Pengkalan Chepa.
23 Mac	Lawatan dan Kunjungan Hormat Presiden Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung (GPMS), En. Jais bin Abdul Karim ke UMK Kampus Pengkalan Chepa.
24 – 25 Mac	Lawatan Rasmi UMK ke <i>Prince Of Songkla University (PSU)</i> , Pattani, Thailand.
25 – 26 Mac	UMK menyertai Bengkel Lanjutan Kem Pemikiran Kreatif Nur Al-Falah di Pulau Bidong, Terengganu.
25 – 27 Mac	UMK menyertai Forum Kepimpinan Belia dan Cabaran Gejala Sosial Peringkat Kebangsaan 2011 anjuran Kementerian Belia dan Sukan dengan kerjasama Jabatan Belia dan Sukan Negeri Perak serta Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) di Teluk Batik Resort, Lumut, Perak.
25 – 27 Mac	Mesyuarat Majlis Pengarah-Pengarah Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) (MAPITA) di UMK Kampus Pengkalan Chepa.
25 – 26 Mac	Aktiviti 4 x 4 anjuran UMK dengan kerjasama Kelab Skuad 4 x 4 Radio Televisyen Malaysia (RTM) Kelantan di Lata Mek Mina, Bukit Tujuh, Pasir Puteh, Kelantan sempena Mesyuarat Majlis Pengarah-Pengarah Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) (MAPITA).
25 – 28 Mac	UMK menyertai Pameran Pendidikan sempena <i>China International Education Exhibition Tour (CIEET)</i> di Guangzhou, China.

26 Mac	Naib Canselor UMK, Prof. Dato' Ir. Dr. Zainai bin Mohamed dianugerahkan Ijazah Kehormat Profesor Emeritus pada Majlis Konvokesyen Ke-46 Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Skudai, Johor.
27 Mac	Majlis Mula Kerja Program UMK dan Masyarakat Perdana 2011 anjuran UMK dengan kerjasama Lembaga Kemajuan Kelantan Selantan (KESEDAR) dan Pusat GIAT MARA di Kampung Biak, Jelawang, Dabong, Kelantan.
29 Mac	Program Hari Derma Darah sempena Hari Polis Kontinjen Kelantan Ke-204 anjuran bersama Polis Diraja Malaysia (PDRM) Kontingen Kelantan dan Kor Sukarelawan Polis Siswa/Siswi (SUKSIS) UMK di UMK Kampus Pengkalan Chepa.
1 April	Hari Ko-Kurikulum Semester Disember Sesi Akademik 2010/2011 anjuran bersama Unit Ko-Kurikulum Jabatan Sukan, Kebudayaan dan Ko-Kurikulum (JSKK) dan Pusat Pengajian Bahasa dan Pembangunan Insaniah (PPBPI) di UMK Kampus Pengkalan Chepa.
2 April	Perlawanan Kejohanan Bolak Sepak Liga Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) antara UMK dan Kolej Komuniti Raub (KKR) di Padang Penjara Pengkalan Chepa, Kelantan.
1-7 April	Unit Kebudayaan Jabatan Sukan, Kebudayaan dan Ko-Kurikulum (JSKK) UMK menyertai kunjungan kebudayaan Majlis Kebudayaan Universiti-Universiti Malaysia (MAKUM) ke Seoul, Korea.
4 April	Sambutan Hari Peribumi Sedunia Pertubuhan Pendidikan, Sains dan Kebudayaan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNESCO) anjuran bersama Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan (FTKW) dan Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) di UMK Kampus Pengkalan Chepa.
7-10 April	Lawatan Kerja Jawatankuasa Penyambut Tetamu UMK ke Majlis Konvokesyen Tahunan Institut Teknologi Bandung, Bandung, Indonesia.
10 April	Lawatan Muhibbah Kelab Sukan dan Kebajikan Fakulti Kejuruteraan dan Alam Bina (KESUTRA) Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Bangi, Selangor ke UMK Kampus Pengkalan Chepa.
12-22 April	UMK menyertai Program Menelusuri Perkampungan Orang Asli Temiar anjuran Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) di Pos Gob, Gua Musang, Kelantan.
13-16 April	UMK menghadiri Mesyuarat ASEAN Learning Network (ALNC) Ke-8 dan Bengkel Social Enterprise for Economic Program (SEED) di The Banking University of Ho Chi Minh City (HCMC), Vietnam.
14 April	Program Amal Car Wash untuk Mangsa Bencana Gempa Bumi-Tsunami Jepun anjuran Kelab Kebajikan Staf Jabatan Canselori UMK di UMK Kampus Pengkalan Chepa.
16 April	Lawatan Muhibbah Badan Kebajikan dan Sukan Staf (BKSS) Universiti Malaysia Pahang (UMP) ke UMK Kampus Pengkalan Chepa.
18 April	Majlis Menandatangani Memorandum Perjanjian (MOA) Program Persediaan Keusahawanan Sains (PPKS) antara UMK dan Majlis Amanah Rakyat (MARA) di UMK Kampus Pengkalan Chepa.
18-20 April	Fakulti Perubatan Veterinar (FPV) UMK menyertai Kejohanan Sukan Tahunan Veterinar (Vetsport) 2011 di Universiti Putra Malaysia (UPM), Serdang, Selangor.





20 April	Kursus Transformasi Organisasi Kakitangan UMK anjuran Bahagian Pembangunan Modal Insan (BPML), Jabatan Pendaftar di Kem Damai, Besut, Terengganu.
27 – 28 April	Program <i>Nuero Linguistic Programming (NLP)</i> untuk Kaunselor Profesional Kelantan anjuran Bahagian Runding Cara Kaunseling dan Kemajuan Kerjaya (BRKKK) dengan kerjasama Ahli Pembimbing Rakan Siswa (PRS) UMK di Dewan Sekolah Menengah Sains (SMS) Tengku Muhammad Faris Petra, Pengkalan Chepa, Kelantan.
28 April	Program Finale 2011 anjuran Jabatan Fesyen dan Tekstil, Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan (FTKW) UMK di Pantai Cahaya Bulan Resort, Kota Bharu, Kelantan.
2 Mei	Majlis Perasmian Program Latihan Pementapan Graduan (GREAT) dan Sesi Amanat Naib Canselor di UMK Kampus Pengkalan Chepa.
5 Mei	Seminar Usahawan Internet '1 Keluarga 1 Perniagaan' anjuran Institut Perusahaan Kecil dan Sederhana (ISME) di UMK Kampus Pengkalan Chepa.
5 – 6 Mei	Kursus Bina Usahawan anjuran Jabatan Sains Kemanusiaan, Pusat Pengajian Bahasa dan Pembangunan Insaniah (PPBPI) di Masjid As-Saddiqin, Mukim Pachor, Pengkalan Chepa, Kelantan.
5 – 8 Mei	UMK menyertai Lawatan Kerja bersama Timbalan Menteri Pengajian Tinggi 1, YB Dato' Dr. Hou Kok Chung ke Taiwan.
7 Mei	Sultan Kelantan, Kebawah Duli Yang Maha Mulia (KDYMM) Sultan Muhammad V berkenan menerima menghadap rombongan Ahli Lembaga Pengarah Universiti (LPU) UMK di The Royal Chulan Hotel, Kuala Lumpur.
7 – 10 Mei	UMK menyertai <i>The 9th International Education & Career Expo</i> anjuran VINEXAD dan IIR Exhibitions dengan sokongan Jabatan Pengajian Tinggi Malaysia di Ho Chi Minh City, Vietnam.
8 Mei	Lawatan Muhibbah Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) ke UMK Kampus Pengkalan Chepa.
8 – 14 Mei	UMK menyertai Kejohanan Sukan Staf Badan Berkanun (SUKANUN) 2011 anjuran Universiti Malaysia Terengganu (UMT) di Kuala Terengganu, Terengganu.
16 Mei	Lawatan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) ke UMK Kampus Pengkalan Chepa.
18 Mei	UMK menjadi tuan rumah Mesyuarat Majlis Kerjasama Ketua-Ketua Pusat Pengajaran dan Pembelajaran Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) Malaysia (MAGNETIC) Kali Ke-13 di Hotel Crown Garden, Kota Bharu, Kelantan.
20 – 22 Mei	Penyelidik UMK dari Fakulti Agro Industri dan Sumber Asli (FASA) merangkul lima pingat perak dan satu pingat gangsa pada Pameran Reka Cipta, Inovasi dan Teknologi Antarabangsa Ke-22 (ITEX 2011) di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC), Kuala Lumpur.
21 Mei	Majlis Penamaan dan Perasmian Jalan Masuk UMK Kampus Bachok disempurnakan oleh Timbalan Perdana Menteri, YAB Tan Sri Muhyiddin bin Haji Mohd Yassin di UMK Kampus Bachok.
23 – 24 Mei	<i>International Colloquium On English Language Teaching (ICELT) 2011</i> anjuran bersama Pusat Pengajian Bahasa dan Pembangunan Insaniah (PPBPI) dan Prince of Songkla University (PSU), Thailand di UMK Kampus Pengkalan Chepa.

25 Mei	Lawatan Kerja dan Majlis Penutup Program Latihan Pematapan Graduan (GREAT) oleh Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan), Kementerian Pengajian Tinggi (KPT), Dato' Rohani binti Abdullah di UMK Kampus Pengkalan Chepa.
27-31 Mei	UMK menyertai <i>Times Education Boutique 2011</i> anjuran Asian Business Exhibitions and Conference Ltd. di Chennai, India.
28 Mei-4 Jun	UMK menyertai <i>NAFSA's 63rd Annual Conference & Expo</i> anjuran Association of International Educators (NAFSA) di Vancouver Convention and Exhibition Centre, Kanada.
2-6 Jun	UMK menyertai Pertandingan Melukis Wau sempena Pertandingan Wau Antarabangsa di Tapak Pesta Wau Antarabangsa Kelantan 2011, Pantai Genting, Tumpat, Kelantan.
2-4 Jun	Lawatan Kerja Jabatan Bendahari UMK ke Nanyang Technological University (NTU), Singapura.
11 Jun	Lawatan Muhibbah Politeknik Universitas Andalas, Indonesia ke UMK Kampus Pengkalan Chepa.
12 Jun	Pasukan Debat Bahasa Inggeris UMK dinobatkan sebagai Johan Pertandingan Debat Bahasa Inggeris Piala Duli Yang Maha Mulia Sultan Zainal Abidin di Universiti Teknologi MARA (UiTM), Dungun, Terengganu.
18-30 Jun	UMK menyertai Karnival Sukan Majlis Sukan Universiti Malaysia (MASUM) di Universiti Putra Malaysia (UPM), Serdang, Selangor.
19 Jun	Hari Inovasi dan Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) 2010 UMK disempurnakan oleh Ketua Setiausaha Kementerian Pengajian Tinggi, YBhg. Datuk Ab. Rahim bin Md. Noor di UMK Kampus Pengkalan Chepa, Kelantan.
19-24 Jun	Program Pembudayaan Keusahawanan ke Prince of Songkla University (PSU), Phuket, Thailand oleh Fakulti Keusahawanan dan Perniagaan (FKP).
20-30 Jun	Kursus Induksi Umum dan Khusus Bil. 1/2011 anjuran Bahagian Pembangunan Modal Insan (BPMI), Jabatan Pendaftar di Demong Beach Resort, Besut, Terengganu.
20 Jun	Lawatan University of Lodz, Poland ke UMK Kampus Pengkalan Chepa dan Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman (MOU) antara UMK dan University of Lodz, Poland.
22 Jun	Perbincangan Yayasan Tunku Abdul Rahman (YTAR) dengan pihak UMK dan Taklimat Biasiswa YTAR di UMK Kampus Pengkalan Chepa.
23-24 Jun	Hari Terbuka Fakulti Perubatan Veterinar (FPV) UMK anjuran FPV di UMK Kampus Pengkalan Chepa.
23 Jun	Kunjungan Pengasas dan Presiden InSite Interactive, Madam Andrienne Palmer Cornelsen sempena Bengkel <i>A New Beginning: One Technopreneur's Journey</i> di UMK Kampus Pengkalan Chepa.
27 Jun	1 Program 1 Daerah - Cakna Sains Ibu Bapa (PIBG) Sekolah Rendah dengan kerjasama Pejabat Pelajaran Daerah (PPD) Kuala Krai, Kelantan.
2-3 Julai	UMK menyertai Kejohanan Golf Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) Ke-39 di Palm Resort Golf & Country Club dan IOI Palm Villa Golf & Country Resort, Johor Bahru, Johor.
4-13 Julai	Pameran Seni Solo bertemakan 'Dimensi Ilusi dalam Iluminasi' oleh Pensyarah Kanan Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan (FTKW), Dr. Abdullah Sani bin Kamaluddin di Hotel Renaissance, Kota Bharu, Kelantan.





5-6 Julai	Seminar Kebangsaan Perpustakaan Akademik 2011 anjuran Persatuan Pustakawan Malaysia (PPM) dengan kerjasama Jabatan Perpustakaan UMK dan PPM Kumpulan Timur di Hotel Grand Riverview, Kota Bharu, Kelantan.
6 Julai	Kejadian Kebakaran Kecil berlaku di Pejabat Pusat Pengajian Bahasa dan Pembangunan Insaniah (PPBPI) UMK Kampus Pengkalan Chepa.
7 Julai	Lawatan Mubibbah dan Perbincangan mengenai Perusahaan Sosial (Social Enterprise) oleh Pengarah ASLI Centre For Social Enterprise, En. Wan Saiful bin Wan Jan di UMK Kampus Pengkalan Chepa.
8-14 Julai	UMK menyertai Karnival Sukan Staf Universiti Malaysia (SUKUM) Ke-36 di Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM), Melaka.
10 Julai	Mesyuarat Pembangunan Negeri Kelantan dipengerusikan oleh Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, YB Dato' Sri Mustapa bin Mohamed di UMK Kampus Pengkalan Chepa.
10-15 Julai	UMK menyertai Lawatan Kerja Majlis Penasihat Undang-Undang Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) ke Universiti dan Institusi Terpilih di Melbourne, Australia.
11 Julai	Perbincangan Pertandingan <i>World Universities Peace Invitational Debate (WUPID)</i> – Bahasa Melayu 2011 antara UMK dan H&G Strategic Communications Sdn Bhd di UMK Kampus Pengkalan Chepa.
11 Julai	Sesi Taklimat dan Tatacara Pengendalian Makanan Yang Bersih dan Gejala Keracunan Makanan oleh Doktor Perubatan Pejabat Kesihatan Daerah Pasir Mas di UMK Kampus Pengkalan Chepa.
11-25 Julai	Program <i>Social Enterprise for Economic Development (SEED)</i> 2 UMK di Kampung Sri Tujuh, Tumpat, Kelantan.
11 Julai	Majlis Perasmian Program <i>Social Enterprise for Economic Development (SEED)</i> 2 UMK di UMK Kampus Pengkalan Chepa.
12 Julai	Seminar <i>Social Enterprise for Economic Development (SEED)</i> 2 dihadiri oleh Pensyarah San Beda College, Filipina, Dr. Tita Banzuela di UMK Kampus Pengkalan Chepa.
12-19 Julai	Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan (FTKW) mengadakan Kerja Lapangan, Sosial dan Program Pengantarabangsaan Pelajar Pengajian Warisan ke Siem Reap, Phom Penh dan Kampung Cham, Kemboja.
15 Julai	Program <i>Road To Harmonious ASEAN Community</i> sempena Hari ASEAN 2011 anjuran Pusat Pengajian Bahasa dan Pembangunan Insaniah (PPBPI) disertai oleh pegawai, staf dan pelajar Prince of Songkla University (PSU), Pattani, Thailand di UMK Kampus Pengkalan Chepa.
17 Julai	Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan (FTKW) memulakan operasi secara rasmi di UMK Kampus Bachok.
17 Julai	1 Program 1 Daerah – Kemahiran Pembantu Makmal Sekolah Menengah dengan kerjasama Jabatan Pelajaran Negeri (JPN) Kelantan dan Pejabat Pelajaran Daerah (PPD) Tanah Merah, Kelantan.
17 Julai	Majlis Sambutan Ulang Tahun Operasi Ke-4 UMK dan Penghayatan Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara (PSPTN) peringkat UMK di UMK Kampus Pengkalan Chepa.

18 – 21 Julai	Lawatan Kerja ke Pejabat Komunikasi Korporat dan Agensi Media oleh Pusat Komunikasi Korporat (PKK) Jabatan Canselori UMK di sekitar Lembah Klang dan Selangor.
18 Julai	Ceramah bertajuk 'Islam di Amerika' anjuran Pusat Pengajian Bahasa dan Pembangunan Insaniah (PPBPI) disampaikan oleh Pengasas <i>Civilizations Exchange and Cooperation Foundation</i> , Iman Mohamad Bashar Arafat di UMK Kampus Pengkalan Chepa.
18 – 30 Julai	UMK menyertai Program <i>Social Enterprise for Economic Development (SEED)</i> di Ho Chi Minh City, Vietnam.
22 Julai	Presiden Institut Landskap Arkitek Malaysia (ILAM), YABhg. Tun Jeanne binti Abdullah menerima kunjungan delegasi UMK yang diketuai oleh Naib Canselor, Prof. Emeritus Dato' Ir. Dr. Zainai bin Mohamed di kediaman beliau di Kuala Lumpur.
22 – 23 Julai	1 Program 1 Daerah – Cakna Sains Sekolah Luar Bandar (Sekolah Rendah) dengan kerjasama Pejabat Pelajaran Daerah (PPD) Pasir Puteh, Kelantan.
24 – 29 Julai	Ekspedisi Eksplorasi Chamah 2011 anjuran Fakulti Agro Industri dan Sumber Asli (FASA) dengan kerjasama Jabatan Perhutanan Negeri Kelantan di Gunung Chamah, Gua Musang, Kelantan.
25 Julai	Majlis Penutup Program <i>Social Enterprise for Economic Development (SEED)</i> 2 UMK di UMK Kampus Pengkalan Chepa.
26 Julai	Majlis Makan Malam UMK Bersama Media 2011 di Renaissance Hotel, Kota Bharu, Kelantan.
26 & 28 Julai	Bengkel Kajian Keusahawanan 1&2 dikendalikan oleh Pengarah Asia Research Centre, St. Gallen University, Prof. Dr. Chong Li Choy di UMK Kampus Pengkalan Chepa.
29 Julai	Perdana Menteri Malaysia Kelima, YABhg. Tun Haji Abdullah bin Haji Ahmad Badawi menerima kunjungan hormat Naib Canselor UMK, Prof. Emeritus Dato' Ir. Dr. Zainai bin Mohamed dan delegasi UMK di pejabat beliau di Wilayah Persekutuan Putrajaya.
31 Julai	Majlis Pelancaran Kibar Bendera sempena Bulan Kemerdekaan 2011 disempurnakan perasmian oleh Pengerusi Lembaga Pengarah UMK, Tan Sri Dato' Hamad Kama Piah bin Che Othman di UMK Kampus Pengkalan Chepa.
1 Ogos	Majlis Penyerahan Sumbangan Hasil Lukisan Pensyarah Kanan Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan (FTKW), Dr. Abdullah Sani bin Kamaluddin kepada Yayasan Anak-Anak Yatim dan Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia Kelantan di UMK Kampus Pengkalan Chepa.
4 Ogos	Program Majlis Berbuka Puasa bersama Masyarakat anjuran UMK di Kampung Sedar, Tumpat, Kelantan.
10 Ogos	Mesyuarat Perbincangan Kerjasama UMK dan Prince of Songkla University, Thailand di UMK Kampus Pengkalan Chepa.
14 – 16 Ogos	UMK menyertai <i>The 15th Prince of Songkla University (PSU) Education Fair</i> di Throne International Convention Center, Prince of Songkla University (PSU), Hatyai, Thailand.
15 Ogos	Mesyuarat antara UMK dan Majlis Sukarelawan Universiti Malaysia (MASKUM) di UMK Kampus Pengkalan Chepa.
16 Ogos	Ceramah Khas sempena Nuzul Al-Quran 1432H oleh Timbalan Pengarah Pusat Islam Universiti Sains Malaysia (USM), Dr. Haji Wan Nudri bin Wan Daud di UMK Kampus Pengkalan Chepa.
21 Ogos	Majlis Berbuka Puasa UMK Bersama Anak-Anak Yatim 2011 di UMK Kampus Pengkalan Chepa.





21 – 22 Ogos	Kaunter Pembayaran Zakat bagi Tahun 2011 oleh Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK) 2011 di UMK Kampus Pengkalan Chepa.
25 Ogos	Perhimpunan Bulanan Naib Canselor bersama staf UMK di UMK Kampus Pengkalan Chepa.
4 – 10 September	Minggu Mesra Mahasiswa (3M) dan Pendaftaran Pelajar Baharu UMK 2011 di UMK Kampus Pengkalan Chepa.
10 September	Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri 2011 di UMK Kampus Pengkalan Chepa.
11 September	Bengkel Pemurnian Manuskrip Tokoh Wanita Kelantan Persatuan Kemajuan Wanita Kelantan Kuala Lumpur dan Selangor (PUSPA) di UMK Kampus Pengkalan Chepa.
12 – 18 September	UMK menyertai Lawatan Pemimpin Agama, Pentadbir Institusi Pendidikan dan Wartawan ke Thailand atas jemputan Konsulat General Diraja Thailand di Kota Bharu, Kelantan.
15 – 19 September	Pesta Konvokesyen sempena Majlis Konvokesyen Pertama UMK di UMK Kampus Bachok.
17 September	Pro-Canselor UMK, Yang Teramat Mulia (YTM), Dr. Tengku Muhammad Fa-iz Petra ibni Sultan Ismail Petra berkenan mencemar duli menyempurnakan Majlis Perasmian Pesta Konvokesyen sempena Majlis Konvokesyen Pertama UMK di UMK Kampus Bachok.
19 September	Majlis Istiadat Pemasyuhuran Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Canselor, Pengisytiharan Pelantikan Pro-Canselor dan Majlis Konvokesyen Pertama UMK di Hotel Grand Riverview, Kota Bharu, Kelantan.
20 – 24 September	Lawatan Kerja Ke Thammasat, Mahidol dan Chulalongkorn University dan Persembahan Mak Yong bersama Kumpulan Budaya Sri Temenggong untuk tujuan penyelidikan SEAMEO SPAFA.
22 September	Program Ceramah Perdana Profesor (Siri 2) disampaikan Profesor Fakulti Agro Industri dan Sumber Asli (FASA), Prof. Dr. A.S.M. Woobaidullah di UMK Kampus Pengkalan Chepa.
24 September	Program <i>Enterprise Saturday</i> (Siri 1) dikendalikan oleh Pengarah <i>Strategy, New Era Strategic Thinking (NEST)</i> , En. Fadzli bin Shah Anuar di UMK Kampus Pengkalan Chepa.
24 September	<i>Prime Entrepreneurial Lecture Series (PELS)</i> anjuran Fakulti Keusahawanan dan Perniagaan (FKP) disampaikan oleh <i>Director of the Science Alliance at New York Academy of Sciences (NYAS)</i> , Dr. Monica Kerr di UMK Kampus Pengkalan Chepa.
26 – 28 September	UMK menghadiri Mesyuarat Jawatankuasa Latihan bersama Institusi Pengajian Tinggi di Malaysia (JALUMA) kali Ke-17 bil. 2/2011 di Hatyai, Thailand.
27 September	Perhimpunan Bulanan Naib Canselor bersama staf UMK di UMK Kampus Pengkalan Chepa.
28 September – 8 Oktober	UMK menyertai Lawatan Kerja bersama syarikat IKLAS Farm Sdn Bhd ke Australia.
1 Oktober	Program <i>Enterprise Saturday</i> (Siri 2) disampaikan oleh Head – Entrepreneur Development, Group Procurement TM Bhd, Pn. Faridah binti Zainuddin di UMK Kampus Pengkalan Chepa.

2 Oktober	Lawatan Penandaarasan Program Advanced Diploma Entrepreneurship oleh Bahagian Pembangunan dan Penilaian Kurikulum, Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia dan Jabatan Pengajian Politeknik ke UMK Kampus Pengkalan Chepa.
3–4 Oktober	Hari Alam Sekitar Sedunia Pertubuhan Pendidikan, Saintifik dan Kebudayaan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNESCO) peringkat UMK anjuran Fakulti Agro Industri dan Sumber Asli (FASA) di UMK Kampus Pengkalan Chepa.
4 Oktober	Forum Keusahawanan Bersama Timbalan Menteri Pengajian Tinggi 2 dihadiri Timbalan Menteri Pengajian Tinggi, Y.B. Dato' Saifuddin bin Abdullah di UMK Kampus Pengkalan Chepa.
6 Oktober	Majlis menandatangani Memorandum Persefahaman (MOU) antara UMK dan Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) di FRIM, Kepong, Selangor.
8 Oktober	Program <i>Enterprise Saturday</i> (Siri 3) disampaikan oleh Ketua Pegawai Eksekutif Atheneum Communications, Mdm. Evelyn Samuel di UMK Kampus Pengkalan Chepa.
10–13 Oktober	UMK menjadi tuan rumah Bengkel Penetapan <i>Standard Operation Procedure (SOP)</i> dan Mesyuarat Pengarah-Pengarah Keselamatan Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) di Hotel Grand Riverview, Kota Bharu, Kelantan.
11–12 Oktober	UMK menganjurkan Seminar <i>Entrepreneurial Leadership Training Programme Series</i> di Hotel Renaissance, Kota Bharu, Kelantan.
13 Oktober	<i>Soft Launch Pertandingan Debat World Universities Peace Invitational Debate (WUPID)</i> Bahasa Melayu 2011 disempurnakan oleh Timbalan Menteri Pengajian Tinggi, YB Dato' Saifuddin bin Abdullah di UMK Kampus Pengkalan Chepa.
13 Oktober –26 November	<i>Business Start-Up Plan Competition 2011</i> anjuran Centre for Entrepreneurship Education and Enterprise (C3E) di UMK Kampus Pengkalan Chepa.
15 Oktober	Program <i>Enterprise Saturday</i> (Siri 4) disampaikan oleh Pengasas Bersama 1901 Hotdog, En. Ahmad Zakir bin Jaafar.
15–19 Oktober	UMK menyertai <i>2nd International Seminar on Poverty Eradication (RENPER)</i> di University of Battambang, Kemboja.
16–18 Oktober	Festival dan Seminar Kebangsaan Tradisi Lisan dan Keusahawanan Warisan anjuran Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan (FTKW) di UMK Kampus Bachok.
17 Oktober	Festival dan Seminar Kebangsaan Tradisi Lisan dan Keusahawanan Warisan anjuran Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan (FTKW) disempurnakan perasmian oleh Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan, Datuk Seri Utama Dr. Rais Yatim di Auditorium Kompleks Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara Kelantan, Kota Bharu, Kelantan.
19–21 Oktober	UMK menyertai Mesyuarat <i>The 9th ASEAN Learning Network Council (ALNC)</i> di Brunei Darussalam.
22–28 Oktober	UMK menyertai Lawatan Pengantarabangsaan ke Beijing dan Xin Jiang, China.
22 Oktober	Kursus Penyembelihan Haiwan Peringkat UMK Bagi Tahun 2011/1432H dikendalikan oleh Tenaga Pengajar Pusat Pengajian Pondok Kandis, Bachok, Kelantan, Tuan Guru Mohd Aziz bin Che Man di UMK Kampus Pengkalan Chepa.





23–24 Oktober	<i>International Seminar On Humanities: Issues & Challenges</i> sempena Hari Antarabangsa Pertubuhan Pendidikan, Saintifik dan Kebudayaan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNESCO) anjuran Pusat Pengajian Bahasa dan Pembangunan Insaniah (PPBPI) di UMK Kampus Pengkalan Chepa.
25–29 Oktober	Lawatan kerja UMK ke Mataram, Indonesia.
27–29 Oktober	Program Silaturahmi bersama Pelajar Program Persediaan Keusahawanan Sains (PPKS) Kolej MARA Kulim di UMK Kampus Pengkalan Chepa.
29 Oktober	Program <i>Enterprise Saturday</i> (Siri 6) disampaikan oleh Pengasas Bersama myriadventures.biz dan Neuro Linguistic Programming Practitioner (NLP), Pn. Jamilah binti Samian di UMK Kampus Pengkalan Chepa.
31 Oktober –3 November	Lawatan Kerja ke Chonnam National University (CNU) dan Chosun University, Korea Selatan. UMK menandatangani Memorandum Persefahaman (MOU) dengan CNU.
1 November	Pembentangan Akhir Pelan Perniagaan <i>SME University Internship Programme</i> di UMK Kampus Pengkalan Chepa.
4–9 November	UMK mengadakan Program Pengantarabangsaan dan Kajian Psikologi Mangsa Gempa Bumi dan Tsunami di Naggroe, Aceh Darussalam.
11–13 November	UMK menjuarai pertandingan <i>DiGi's Challenge For Chance My Ideas 2011 A Social Venture Competition for Universities</i> Zon Timur anjuran bersama DiGi Telecommunications Sdn. Bhd. (DiGi) dan Warisan Global Sdn. Bhd. (Warisan Global) di Kolej Universiti Shahputra (UCSA), Kuantan, Pahang.
5 November	Program <i>Enterprise Saturday</i> (Siri 7) disampaikan oleh Ketua Pegawai Eksekutif Leadership Dynamix, Dr. Ian Halsall di UMK Kampus Pengkalan Chepa.
12 November	Program <i>Enterprise Saturday</i> (Siri 8) disampaikan oleh Ketua Pegawai Operasi RES Group of Companies, En. Ong Tuang Lip di UMK Kampus Pengkalan Chepa.
14 November	Program Selangkah ke Universiti dan Pelancaran Buku <i>A Glimpse of Kelantanese Traditional Food</i> di UMK Kampus Pengkalan Chepa.
14–16 November	Hari Makanan Sedunia Pertubuhan Pendidikan, Saintifik dan Kebudayaan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNESCO) peringkat UMK anjuran Fakulti Agro Industri dan Sumber Asli (FASA) di UMK Kampus Pengkalan Chepa.
15–19 November	Lawatan Kerja UMK ke Manila, Filipina.
16 November	Program Bual Bicara ' <i>Umrah Bantuan</i> ' sempena Program Kembara Enterpretasi Di Bumi Anbiya' disampaikan oleh Pensyarah Jabatan Pengajian Al-Quran & Al-Sunnah FPI Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) & Penasihat Right Wing Holiday, Ustaz Dr. Ahamad Asmadi bin Sakat di UMK Kampus Pengkalan Chepa.

19 November	Program <i>Enterprise Saturday</i> (Siri 9) disampaikan oleh Pengasas SmartStudy & Consultant, En. Osman bin Affan di UMK Kampus Pengkalan Chepa.
19 – 20 November	Program <i>Science Camp @ Jeli</i> anjuran bersama UMK dan Agilent Technologies & Eco-Partners disempurnakan perasmian oleh Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, YB Dato' Sri Mustapa bin Mohamed di Pusat Dakwah @ Pondok Moden Jeli, Bukit Bunga, Kelantan.
19 – 23 November	Pertandingan Debat <i>World Universities Peace Invitational Debate (WUPID)</i> Bahasa Melayu 2011 anjuran bersama UMK dan H&G Strategic Communications di UMK Kampus Bachok dan Pantai Cahaya Bulan (PCB) Resort, Kota Bharu, Kelantan.
21 – 22 November	<i>Conference On Natural Product: Intergrating Traditional Practice and Technology Advancement For Creating Business Opportunity</i> anjuran Fakulti Agro Industri dan Sumber Asli (FASA) di UMK Kampus Pengkalan Chepa.
21 – 23 November	Penyelidik UMK daripada Fakulti Agro Industri dan Sumber Asli (FASA) meraih satu pingat emas dan tiga pingat gangsa dalam Anugerah Inovasi Bioteknologi 2011 sempena Persidangan dan Pameran BioMalaysia 2011 di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC).
23 – 26 November	<i>Study International Education Fair 2011</i> anjuran bersama Education Malaysia, British Council, Campus France, Singapore Tourism Board dan New Zealand Education di New World Hotel, Makati City, Manila, Filipina.
26 November	Program <i>Enterprise Saturday</i> (Siri 10) disampaikan oleh Pengasas Bersama dan Ketua Pegawai Eksekutif of SimuGen, Mr. Matthijs Van Leeuwen di UMK Kampus Pengkalan Chepa.
29 – 30 November	<i>National Conference on Higher Education & Community Engagement 2011</i> anjuran Pusat Pembangunan dan Pengurusan Akademik (PPPA) di UMK Kampus Bachok.
30 November	Majlis Ramah Mesra Yang Teramat Mulia Dr. Tengku Muhammad Fa-iz Petra Ibni Sultan Ismail Petra, Tengku Mahkota Kelantan, Pro-Canselor UMK warga UMK di UMK Kampus Pengkalan Chepa.
1 Disember	Program Bual Bicara Hijrah-Antara Usaha @ Hidayah anjuran Unit Islam dan Pembangunan Nilai (UniPeN) dihadiri oleh Selebriti Terkenal / Pelakon Drama Mek Salmah dari Scotland, Pn. Catriona Noorhayati Ross binti Bahrain Ross di UMK Kampus Pengkalan Chepa.
3 Disember	Program <i>Enterprise Saturday</i> (Siri 11) disampaikan oleh Ketua Pegawai Eksekutif Cradle Fund, En. Nazrin Hassan di UMK Kampus Pengkalan Chepa.
4 Disember	Program Ramah Mesra UMK Bersama Penduduk Kampung Seneng (Jelawat) dihadiri Menteri Perdagangan Antarabangsa & Industri, YB Dato' Sri Mustapa bin Mohamed dan Timbalan Menteri Kewangan, Senator Dato' Dr. Awang Adek bin Hussein di Taman Bator Harmoni, Bachok (Asrama Pelajar UMK Kampus Bachok).
4 Disember	Mesyuarat Pemurniaan Soalan Peperiksaan Akhir Program Persediaan Keusahawanan Sains (PPKS) di UMK Kampus Pengkalan Chepa.





4-9 Disember	Lawatan Akademik dan Pertemuan dengan Staf akademik UMK (Cuti Belajar) di Australia dan New Zealand.
4-11 Disember	Lawatan Kerja dan Jawatankuasa Hospitaliti UMK ke China dan Hong Kong.
4-14 Disember	Kursus Induksi Umum dan Khusus Bil. 2/2011 anjuran Bahagian Pembangunan Modal Insan (BPMI), Jabatan Pendaftar di Demong Beach Resort, Besut, Terengganu.
10 Disember	Program <i>Enterprise Saturday</i> (Siri 12) disampaikan oleh Pengasas <i>Entrepreneurs.my</i> , Mr. Daniel Carventus di UMK Kampus Pengkalan Chepa.
11 Disember	Lawatan Kerja Universitas Narotama (UNNAR), Surabaya, Indonesia ke UMK Kampus Pengkalan Chepa.
12 Disember	Seminar Hasil Eksplorasi Chamah anjuran Fakulti Agro Industri dan Sumber Asli (FASA) di UMK Kampus Pengkalan Chepa.
13 Disember	Majlis Permuafakatan As-Syura 1432H anjuran Unit Islam dan Pembangunan Nilai (UnIpeN) di UMK Kampus Pengkalan Chepa.
14 Disember	Ceramah Perdana Profesor (Siri 3) anjuran Fakulti Agro Industri dan Sumber Asli (FASA) disampaikan oleh Prof. Adjung FASA, Prof. Dato' Dr. Mohamad Hashim bin Ahmad Tajudin yang juga mantan Pengarah Urusan, Kumpulan Chemical Company Of Malaysia Berhad di UMK Kampus Pengkalan Chepa.
15 Disember	Lawatan Kerja British Council IELTS Associate ke UMK Kampus Pengkalan Chepa.
18-23 Disember	Program Team Building UMK 2011 (Sesi 1 & Sesi 2) di Kem Tebu View, Jertih, Terengganu.
19 Disember	Hari Literasi Sedunia Pertubuhan Pendidikan, Saintifik dan Kebudayaan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNESCO) peringkat UMK di Sekolah Kebangsaan (SK) Bukit Marak, Bachok, Kelantan.
19 Disember	Majlis Permuafakatan As-Syura 1432H anjuran Unit Islam dan Pembangunan Nilai (UnIpeN) di UMK Kampus Jeli.
20 Disember	Penyerahan Borang Opsyen Saraan Baharu Perkhidmatan Awam (SBPA) dan Taklimat SBPA kepada staf UMK di UMK Kampus Pengkalan Chepa.
22 Disember	Program World Day of Combating - The Destruction of Natural Resources Pertubuhan Pendidikan, Saintifik dan Kebudayaan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNESCO) anjuran Fakulti Agro Industri dan Sumber Asli (FASA) di UMK Kampus Pengkalan Chepa.
28 Disember	Perhimpunan Bulanan Naib Canselor bersama staf UMK di UMK Kampus Pengkalan Chepa.
29 Disember	Majlis Lambaian Kasih Prof. Emeritus Dato' Ir. Dr. Zainai bin Mohamed di UMK Kampus Pengkalan Chepa.

13.2 Peristiwa UMK 2011

Majlis Amanat Naib Canselor Sempena Tahun Baharu 2011

Majlis Amanat Naib Canselor, Prof. Emeritus Dato' Ir. Dr. Zainai bin Mohamed telah diadakan di Dewan Terbuka Keusahawanan, UMK Kampus Pengkalan Chepa, Kelantan.

Lawatan Duta Jepun ke Malaysia, Tuan Yang Terutama (TYT), H.E. Masahiko Horie

Duta Jepun ke Malaysia, Tuan Yang Terutama (TYT), H.E. Masahiko Horie mengadakan lawatan ke UMK dan menyampaikan ucapan bertajuk Building A Strong Country Brand - The Japanese Innovation di Dewan Terbuka Keusahawanan UMK pada 25 Januari 2011.

UMK merangkul Anugerah Sarong Wangsa Utama, Majlis Kebudayaan Universiti-Universiti Malaysia (MAKUM) 2010

UMK berjaya merangkul Anugerah Sarong Wangsa Utama, Majlis Kebudayaan Universiti-Universiti Malaysia (MAKUM) 2010 di Majlis Anugerah Seni MAKUM 2010 anjuran Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) bertempat di Hotel Putra Palace, Kangar, Perlis pada 28 Januari 2011.



UMK menyertai Operasi Pembersihan Kawasan Banjir di Parlimen Pagoh, Johor

UMK tampil membantu meringankan kesusahan dan kesengsaraan mangsa-mangsa banjir dengan menyertai program Operasi Pembersihan Kawasan Banjir di Parlimen Pagoh, Johor pada 12 hingga 13 Februari 2011. seramai 29 staf UMK telah menyertai misi ini bersama-sama lebih 2,000 sukarelawan termasuk 1,200 mahasiswa dan kakitangan daripada 14 Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA).

Lawatan Muhibbah Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Y.B. Datuk Seri Noh bin Omar

Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Y.B. Datuk Seri Noh bin Omar mengadakan lawatan Muhibbah ke UMK Kampus Pengkalan Chepa pada 13 Februari 2011. Kunjungan muhibbah itu bertujuan untuk mengadakan perbincangan dan kerjasama yang boleh dilaksanakan di antara UMK dan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA) terutama dalam pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECER).

Penyelidik UMK meraih tiga pingat gangsa dalam Pameran Teknologi Malaysia (MTE) 2011

Tiga penyelidik daripada Fakulti Agro Industri dan Sumber Asli (FASA) terus mempamerkan kemajuan dalam bidang penyelidikan dan pembangunan (R&D) apabila meraih tiga pingat gangsa pada Pameran Teknologi Malaysia (MTE) 2011 yang berlangsung di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC) pada 17 hingga 19 Februari 2011.



Program Chairman Lecture Series (CLS) Ke-14

Program Chairman Lecture Series (CLS) Ke-14 bertemakan *Distribution Strategies: Challenges for SMEs in Malaysia* disampaikan oleh Presiden Avon Cosmetics Sdn. Bhd. (Malaysia, Thailand, Vietnam dan Indonesia), En. Wan Mansoor bin Wan Abdullah dan Pensyarah Kanan Fakulti Keusahawanan dan Perniagaan (FKP) UMK, Dr. Mohd Rafi bin Yaacob di Hotel Grand Riverview, Kota Bharu, Kelantan pada 19 Februari 2011.

Program Ceramah Perdana Profesor 2011

UMK melalui Fakulti Agro Industri dan Sumber Asli (FASA) telah menganjurkan tiga siri Ceramah Perdana Profesor mulai 5 Mac hingga 14 Disember 2011 dalam usaha memperkenalkan kepakaran tokoh-tokoh akademik UMK kepada masyarakat.

Program Sembang-Sembang Usahawan Wanita bertajuk 'Cabaran Dunia Perniagaan – Mitos atau Realiti?'

Program Sembang-Sembang Usahawan Wanita bertajuk Cabaran Dunia Perniagaan - Mitos atau Realiti? diadakan di UMK Kampus Pengkalan Chepa pada 9 Mac 2011. Program anjuran Kedutaan Amerika Syarikat (AS), Warisan Global Sdn. Bhd. dan kerjasama UMK ini membariskan empat panel terdiri daripada kalangan usahawan wanita.

Hari Bertemu Pelanggan UMK 2011

UMK melalui Pusat Komunikasi Korporat, Jabatan Canselor telah menganjurkan Hari Bertemu Pelanggan UMK 2011 bertempat di Dewan Auditorium, Kompleks MARA Negeri Kelantan pada 19 Mac 2011. Program tersebut disertai oleh



kaunselor-kaunselor dari 20 sekolah menengah di Kelantan dan Maktab Rendah Sains MARA (MRSM) Zon Timur.

Festival Wau Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan (FTKW)-UMK 2011

UMK melalui Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan (FTKW) dengan kerjasama Majlis Pelayang Malaysia menganjurkan Festival Wau FTKW-UMK 2011, di tapak Kampus UMK Bachok, di Tangok, Bachok, Kelantan pada 19 Mac 2011. Seramai 139 pelajar FTKW mengambil bahagian dalam festival kali ini bagi merebut hadiah bagi kategori Wau Cantik (Di Bumi), Wau Naik dan Juara Wau 2011.

Naib Canselor UMK, Prof. Dato' Ir. Dr. Zainai bin Mohamed dianugerahkan Ijazah Kehormat Profesor Emeritus

Naib Canselor dan pengasas UMK, Prof. Dato' Ir. Dr. Zainai bin Mohamed dianugerahkan Ijazah Kehormat Profesor Emeritus pada Majlis Konvokesyen Ke 46, Universiti Teknologi Malaysia (UTM) pada 26 Mac 2011. Anugerah disampaikan oleh Canselor UTM, Duli Yang Maha Mulia Tuanku Raja Zarith Sofiah binti Almarhum Sultan Idris Shah.



Majlis Mula Kerja Program UMK dan Masyarakat Perdana 2011

Majlis Mula Kerja Program UMK dan Masyarakat Perdana 2011 anjuran UMK dengan kerjasama Lembaga Kemajuan Kelantan Selatan (KESEDAR) dan Pusat GIATMARA, di Kampung Biak, Jelawang, Dabong, Kelantan pada 27 Mac 2011. Program Masyarakat Perdana 2011 anjuran UMK mampu menepati objektif penubuhan Universiti yang memberi komitmen kepada pembangunan serta potensi masyarakat luar bandar menerusi pendidikan.

Sambutan Hari Antarabangsa Pertubuhan Pendidikan, Sainifik dan Kebudayaan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNESCO) 2011 Peringkat UMK

Pertubuhan Pendidikan, Sainifik dan Kebudayaan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNESCO) telah menetapkan senarai International Days, Years and Decades to be Celebrated (Hari Antarabangsa) sepanjang tahun 2011 ini sebagai panduan bagi semua warga dunia menyambut dan memperingati sesuatu peristiwa atau pencapaian dalam pembangunan tamadun dunia. Dalam tempoh April hingga Disember 2011, UMK telah menyambut enam Hari Antarabangsa UNESCO dalam tempoh April hingga Disember 2011.

UMK menyertai Program Menyelusuri Perkampungan Orang Asli Temiar

UMK menyertai Program Menyelusuri Perkampungan Orang Asli Temiar anjuran Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) di Pos Gob, Gua Musang, Kelantan pada 12 hingga 22 April 2011 untuk menghasilkan satu dokumentari yang merakamkan warisan amalan cara hidup tradisi, adat resam, pantang larang dan budaya suku kaum tersebut.

Majlis Menandatangani Memorandum Perjanjian (MOA) Program Persediaan Keusahawanan Sains (PPKS) antara UMK dan Majlis Amanah Rakyat (MARA)

Majlis Menandatangani Memorandum Perjanjian (MOA) dan Pelancaran Program Persediaan Keusahawanan Sains (PPKS) antara UMK dan Majlis Amanah Rakyat (MARA) pada 18 April 2011 di UMK Kampus Pengkalan Chepa. Kumpulan



pelajar pertama mengikuti program itu selama setahun di Kolej MARA Kulim, Kedah bermula 22 Mei ini sebelum menyambung pengajian di peringkat ijazah sarjana muda di UMK.

Program Latihan Pemantapan Graduan (GREAT) dan Sesi Amanat Naib Canselor

Program GREAT dan Sesi Amanat Naib Canselor diadakan di UMK Kampus Pengkalan Chepa pada 2 Mei 2011. GREAT adalah platform berkesan dalam membantu pelajar tahun akhir UMK mendapatkan maklumat tepat tentang kehendak pasaran semasa selaras dengan hasrat kerajaan untuk membangunkan modal insan secara holistik.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia (KDYMM) Sultan Muhammad V berkenan menerima menghadap rombongan Ahli Lembaga Pengarah Universiti (LPU) UMK

Kebawah Duli Yang Maha Mulia (KDYMM), Sultan Muhammad V Sultan dan Yang Di Pertuan Bagi Negeri Kelantan Darul Naim & Jajahan Takluknya berkenan menerima menghadap rombongan Ahli Lembaga Pengarah Universiti (LPU), UMK yang diketuai oleh Pengerusi LPU, Tan Sri Dato' Sri Hamad Kama Piah bin Che Othman di The Royale Chulan, Kuala Lumpur pada 7 Mei 2011. Rombongan menghadap ini bertujuan bagi memperkenalkan ahli-ahli LPU dan seterusnya menyebarkan maklumat tentang maklumat perkembangan terkini Universiti.

UMK meraih enam pingat pada Pameran Reka Cipta, Inovasi dan Teknologi Antarabangsa Ke-22 (ITEX 2011)

Sekumpulan penyelidik dari Fakulti Agro Industri dan Sumber Asli (FASA) UMK berjaya meraih enam pingat pada Pameran Reka Cipta, Inovasi dan Teknologi Antarabangsa ke-22 (ITEX 2011) yang berlangsung di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur dari 20 hingga 22 Mei 2011. Kumpulan penyelidik UMK berjaya meraih lima pingat perak dan satu pingat gangsa melalui tujuh produk inovasi yang dipertandingkan.



Majlis Penamaan dan Perasmian Jalan Masuk UMK Kampus Bachok

YAB Tan Sri Muhyiddin bin Haji Mohd Yassin, Timbalan Perdana Menteri telah merasmikan jalan masuk empat lorong ke UMK Kampus Bachok yang dikenali sebagai Persiaran Tan Sri Mohamed Yaacob pada 21 Mei 2011. Nama jalan itu diambil sempena bekas Menteri Besar Kelantan, Tan Sri Mohamed Yaacob, tokoh anak tempatan yang banyak berbakti kepada pembangunan Kelantan dan negara.

UMK Johan Pertandingan Debat Bahasa Inggeris Piala Duli Yang Maha Mulia (DYMM) Sultan Zainal Abidin

Kelab Debat Bahasa Inggeris UMK mencipta kejayaan baru apabila dinobatkan Johan Pertandingan Debat Piala Duli Yang Maha Mulia (DYMM) Sultan Zainal Abidin dalam kategori Bahasa Inggeris anjuran Universiti Teknologi MARA (UiTM), Dungun, Terengganu pada 9 hingga 12 Jun 2011.

Hari Inovasi dan Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) 2010

Hari Inovasi dan Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) 2010 UMK disempurnakan oleh Ketua Setiausaha Kementerian Pengajian Tinggi, Datuk Ab. Rahim bin Md. Noor di UMK Kampus Pengkalan Chepa, Kelantan pada 19 Jun 2011. Seramai 40 staf UMK menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC), 14 staf UMK menerima Anugerah Gemilang UMK (AGU), Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan (FTKW) menerima Anugerah Khas Potensi Kualiti Naib Canselor (AKNC) manakala Fakulti Agro Industri dan Sumber Asli (FASA) meraih Anugerah Kualiti Naib Canselor.

Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman (MOU) antara UMK dan University of Lodz, Poland

UMK menandatangani Memorandum Persefahaman (MOU) antara UMK dan University of Lodz, Poland di UMK Kampus Pengkalan Chepa pada 20 Jun 2011. Kedua-dua buah Universiti menjalinkan kerjasama merangkumi pelbagai program seperti penyelidikan, ceramah dan simposium, pertukaran pensyarah dan penyelidik, pertukaran pelajar siswazah serta perkongsian pengalaman dalam penerbitan saintifik.

Hari Terbuka Fakulti Perubatan Veterinar (FPV) UMK

Fakulti Perubatan Veterinar (FPV) UMK menganjurkan Hari Terbuka FPV sempena Sambutan Hari Veterinar Sedunia 2011 di UMK Kampus Pengkalan Chepa pada 23 – 24 Jun 2011. Sempena Hari Terbuka FPV yang berlangsung selama dua hari itu pelbagai program menarik telah diadakan seperti program syarahan, ceramah, pameran haiwan hidup, klinik haiwan kesayangan, sudut pengurusan kuda, jualan hasil ternakan, makanan dan sebagainya.

1 Program 1 Daerah



UMK melalui Fakulti Agro Industri dan Sumber Asli (FASA) telah menjalinkan kerjasama dengan Jabatan Pelajaran Negeri (JPN) Kelantan menerusi program 1 Program UMK 1 Daerah dalam usaha merealisasikan hasrat kerajaan untuk mengesahkan usahasama antara institusi pendidikan negara tanpa mengira tahap pengajian. Dalam tempoh Jun hingga Julai 2011, sebanyak tiga program UMK telah dilaksanakan di tiga daerah di negeri Kelantan dengan kerjasama Pejabat Pelajaran Daerah (PPD) setempat.

Pameran Seni Lukis Solo bertemakan 'Dimensi Ilusi dalam Iluminasi'

UMK dengan kerjasama Hotel Renaissance, Kota Bharu, Kelantan menganjurkan pameran seni lukis solo yang pertama di negeri ini bermula 4 Julai 2011 hingga 13 Julai 2011. Pameran bertemakan "Dimensi Ilusi Dalam Iluminasi" tersebut memaparkan hampir 40 karya peribadi Pensyarah Kanan Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan (FTKW) UMK, Dr. Abdullah Sani bin Kamaluddin.



Seminar Kebangsaan Perpustakaan Akademik (SKPA) 2011

Persatuan Pustakawan Malaysia (PPM) dengan kerjasama Jabatan Perpustakaan UMK dan PPM Kumpulan Timur menganjurkan Seminar Kebangsaan Perpustakaan Akademik (SKPA) 2011 di Hotel Grand Riverview, Kota Bharu, Kelantan pada 5 – 6 Julai 2011. Objektif seminar peringkat kebangsaan ini adalah sebagai medan penyebaran dan perkongsian serta pertukaran maklumat dalam kalangan pustakawan serta ahli akademik.

Program Social Enterprise for Economic Development (SEED) 2 UMK

Program SEED 2 UMK sekali lagi dilaksanakan di Kampung Sri Tujuh, Tumpat, Kelantan pada 11 Julai sehingga 25 Julai 2011 bagi meneruskan usaha Universiti membantu memajukan industri desa dan memberi peluang perniagaan kepada penduduk kampung sekali gus mewujudkan industri desa baru pada masa hadapan. Program SEED 2 UMK merupakan siri lanjutan program SEED 1 UMK dan disertai seramai 17 pelajar UMK.



Kerja Lapangan Sosial dan Program Pengantarabangsaan Pelajar Pengajian Warisan ke Kemboja

UMK melalui Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan (FTKW) telah mengadakan Kerja Lapangan, Sosial dan Program Pengantarabangsaan Pelajar Pengajian Warisan ke Kemboja pada 12 hingga 19 Julai 2011. Seramai 20 pelajar pengajian warisan FTKW bersama enam pegawai-pegawai pengiring menyertai program untuk menyelami nasib penduduk Melayu Campa di wilayah Kamponcham yang terletak antara Siem Reap dan Phnom Penh.

Majlis Sambutan Ulang Tahun Operasi Ke-4 UMK dan Penghayatan Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara (PSPTN) Peringkat UMK

Majlis Sambutan Ulang Tahun ke-4 Operasi UMK dan Penghayatan Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara (PSPTN) Peringkat UMK diadakan pada 17 Julai 2011 di UMK Kampus Pengkalan Chepa, Kelantan. Kira-kira 400 daripada lebih 600 kakitangan akademik dan bukan akademik UMK hadir pada majlis tersebut.

Program Social Enterprise for Economic Development (SEED) di Vietnam

Selepas kejayaan program SEED di Bandung, Indonesia dan Tumpat, Malaysia, kini program tersebut telah dikembangkan ke kawasan luar bandar di Vietnam yang mampu membuka ruang memasarkan produk ke kawasan bandar. Tiga pelajar dan seorang pensyarah UMK telah diberi peluang untuk menyertai program SEED yang diadakan di Kampung Tan Lap, Daerah Binh Phuoc, Vietnam pada 18 hingga 30 Julai 2011.



YABhg. Tun Jeanne binti Abdullah menerima kunjungan delegasi UMK

Presiden Institut Landskap Arkitek Malaysia (ILAM), YABhg. Tun Jeanne binti Abdullah menerima kunjungan delegasi UMK yang diketuai oleh Naib Canselor, Prof. Emeritus Dato' Ir. Dr. Zainai bin Mohamed di kediaman beliau di Kuala Lumpur pada 22 Julai 2011. Pertemuan ini bertujuan membincangkan kerjasama berhubung isu-isu terkini alam sekitar dan pelaksanaan aktiviti pembangun sumber asli negara yang dilaksanakan oleh UMK dalam menangani isu pemuliharaan alam semula jadi.

Ekspedisi Eksplorasi Chamah 2011

Fakulti Agro Industri dan Sumber Asli (FASA) dengan kerjasama Jabatan Perhutanan Negeri Kelantan telah mengadakan ekspedisi Explorasi di Gunung Chamah, Gua Musang, Kelantan pada 24 hingga 29 Julai 2011. Ekspedisi itu diadakan bertujuan mengkaji kepelbagaian biodiversiti dan kepentingannya kepada manusia serta menimbulkan kesedaran kepada orang ramai bagi menjaga khazanah hutan untuk tatapan generasi akan datang.

Majlis Makan Malam UMK Bersama Media 2011

Pusat Komunikasi Korporat UMK mengadakan Majlis Makan Malam UMK Bersama Media di Renaissance Hotel, Kota Bharu, Kelantan pada 26 Julai 2011. Majlis ini bagi menghargai jasa pihak media Kelantan yang selalu memberikan sokongan penuh terhadap semua aktiviti dan program anjuran UMK dari semasa ke semasa termasuk aktiviti penyelidikan dan pembangunan (R&D), khidmat masyarakat dan program pengantarabangsaan.

YABhg. Tun Haji Abdullah bin Haji Ahmad Badawi menerima kunjungan delegasi UMK

Mantan Perdana Menteri, Y.A. Bhg. Tun Haji Abdullah bin Haji Ahmad Badawi telah sudi menerima kunjungan hormat Naib Canselor UMK, Prof. Emeritus Dato' Ir. Dr. Zainai bin Mohamed dan rombongan UMK di pejabatnya di Putrajaya, pada 29 Julai 2011. Lawatan pertama UMK ke pejabat Mantan Perdana Menteri kelima ini bagi memberi maklum tentang perkembangan pembangunan dan operasi Universiti serta Anugerah Ijazah Kehormat Doktor Keusahawanan dan Pembangunan Modal Insan kepada Y.A.Bhg Tun sempena Majlis Konvokesyen Pertama UMK yang berlangsung pada 19 September 2011.





Majlis Pelancaran Kibar Bendera sempena Bulan Kemerdekaan 2011

Majlis Pelancaran Kibar Bendera Sempena Bulan Kemerdekaan 2011 yang disempurnakan perasmianya oleh Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti Malaysia Kelantan, Tan Sri Dato' Sri Hamad Kama Piah bin Che Othman di UMK Kampus Pengkalan Chepa, Kelantan pada 31 Julai 2011. Program tahunan UMK tersebut bermatlamat untuk menyemai semangat patriotisme dan nasionalisme dalam kalangan warga Universiti di samping mengeratkan lagi hubungan tali silaturahim antara staf UMK.

Pesta Konvokesyen sempena Majlis Konvokesyen Pertama UMK di UMK Kampus Bachok

Pesta Konvokesyen sempena Majlis Konvokesyen Pertama UMK telah berlangsung selama lima hari bermula 15 hingga 19 September 2011 di UMK Kampus Bachok, Kelantan. Ia bagi memperkenalkan UMK Kampus Bachok yang telah mula beroperasi sejak bulan April 2011 kepada masyarakat Kelantan. Pro-Canselor UMK, Yang Teramat Mulia (YTM), Dr. Tengku Muhammad Fa-iz Petra Ibni Sultan Ismail Petra, Tengku Mahkota Kelantan telah berkenan mencemar duli menyempurnakan Majlis Perasmian Pesta Konvo sempena Majlis Konvokesyen Pertama UMK di Kampus UMK Bachok, Kelantan pada 17 September 2011.

Majlis Istiadat Pemasyhuran Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Canselor, Pengisytiharan Pelantikan Pro-Canselor dan Majlis Konvokesyen Pertama UMK

Seramai 269 graduan yang terdiri daripada 266 pelajar prasiswazah dan tiga pelajar pascasiswazah Universiti Malaysia Kelantan (UMK) menerima Ijazah masing-masing pada Majlis Konvokeysen Pertama UMK yang berlangsung di Hotel Grand Riverview, Kota Bharu, Kelantan pada 19 September 2011. Majlis Istiadat Pemasyhuran Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Canselor, Sultan Muhammad V, Sultan Dan Yang Di Pertuan Negeri Kelantan Darulnaim sebagai Tuanku Canselor UMK dan Pengisytiharan Pelantikan Pro-Canselor UMK, Yang Teramat Mulia, Dr. Tengku Muhammad Fa-iz Petra ibni Sultan Ismail Petra, Tengku Mahkota Kelantan turut diadakan pada Majlis Konvokesyen Pertama UMK.



Program Enterprise Saturday 2011

UMK dengan kerjasama Warisan Global Sdn. Bhd (Warisan Global) iaitu sebuah syarikat perundingan yang mempunyai jalinan kerjasama dengan Pusat Pembelajaran Keusahawanan atau *Centre for Entrepreneurial Learning* di Judge Business School, University of Cambridge, United Kingdom telah menganjurkan program Enterprise Saturday bagi meningkatkan ilmu pengetahuan dan kemahiran keusahawanan serta selok-belok perniagaan. Sebanyak 12 siri Program Enterprise Saturday telah diadakan pada tempoh September hingga Disember 2011.

Majlis menandatangani Memorandum Persefahaman (MOU) antara UMK dan Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM)

UMK dan Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) telah menandatangani satu Memorandum Persefahaman (MOU) bagi membolehkan kedua-dua pihak bekerjasama dalam bidang penyelidikan hutan tropika dan pembangunan keluaran hutan.

MOU tersebut telah dimeterai oleh Naib Canselor UMK, Prof. Emeritus Dato' Ir. Dr. Zainai bin Mohamed dan Ketua Pengarah FRIM, Dato' Dr. Abd. Latif Mohmod dalam majlis penuh bersejarah di FRIM, Kepong, Selangor, pada 6 Oktober 2011 di FRIM, Kepong, Selangor.

Business Start-Up Plan Competition 2011

UMK menerusi Centre for Entrepreneurship Education and Enterprise (C3E) telah menganjurkan *Business Start-Up Plan Competition 2011* di UMK Kampus Pengkalan Chepa pada 13 Oktober hingga 26 November 2011. Program ini antaranya bertujuan mendedahkan pelajar tahun akhir UMK kepada kaedah pembelajaran melalui pengalaman agar mereka dapat menerokai dan membangunkan peluang perniagaan baru.

2nd International Seminar on Poverty Eradication (RENPER)

UMK menyertai *2nd International Seminar on Poverty Eradication (RENPER)* di University of Battambang, Kemboja pada 15 – 19 Oktober 2011. Usaha penubuhan RENPER telah dimulakan oleh UMK pada tahun 2010 sebagai menyahut seruan pada sambutan hari Pertubuhan Pendidikan, Saintifik dan Kebudayaan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNESCO) 2010. Antara universiti yang menganggotai RENPER adalah UMK, Universiti Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA), Universiti Teknologi MARA (UiTM), Universiti Sains Malaysia (USM), University of Battambang, Kemboja, Universitas Bengkulu dan Universitas Andalas, Indonesia, Banking University of Ho Chi Minh City, Vietnam, Prince of Songkla University, Thailand, University of Yangon, University of Dhaka dan Bangladesh Agricultural University, Bangladesh.



Festival dan Seminar Kebangsaan Tradisi Lisan dan Keusahawanan Warisan

UMK melalui Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan (FTKW), Kementerian Penerangan Komunikasi dan Kebudayaan, Jabatan Warisan Negara, Jabatan Kesenian, Kebudayaan dan Warisan Negeri Kelantan dan Dewan Bahasa dan Pustaka Wilayah Timur mengadakan Festival dan Seminar Kebangsaan Tradisi Lisan dan



Keusahawanan Warisan di UMK Kampus Bachok, Kelantan pada 16 – 18 Oktober 2011. Ia merupakan usaha proaktif UMK dalam memartabatkan warisan seni budaya bagi memastikan bidang kesenian dan kebudayaan yang menjadi teras kepada pembentukan masyarakat moden terus dipelihara.

Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman (MOU) antara UMK dengan Chonnam National University (CNU), Korea Selatan

UMK mengadakan Lawatan Kerja ke Chonnam National University (CNU) dan Chosun University, Korea Selatan pada 31 Oktober – 3 November 2011. UMK menandatangani Memorandum Persefahaman (MOU) dengan CNU bagi menjalinkan kerjasama kedua-dua buah Universiti dalam bidang akademik dan kajian penyelidikan. Majlis Menandatangani MOU itu telah diwakili oleh Naib Canselor UMK, Prof. Emeritus Dato' Ir. Dr. Zainal bin Mohamed manakala CNU diwakili oleh Presidennya, Prof. Dr. Yoon Soo Kim dan telah disaksikan oleh Dekan Fakulti Agro Industri dan Sumber Asli (FASA) UMK, Prof. Dr. Haji Ibrahim bin Che Omar dan Pengarah Hubungan Antarabangsa CNU, Prof. Dr. Gyeonggu Shin.



Program Pengantarabangsaan dan Kajian Psikologi Mangsa Gempa Bumi dan Tsunami di Naggroe, Aceh Darussalam

UMK melalui Bahagian Rundingcara Kaunseling dan Kemajuan Kerjaya dan Kelab Pembimbing Rakan Siswa (PRS) telah mengadakan Program Kemasyarakatan dan Ibadah Qurban Aidiladha di Banda Aceh Darussalam, Indonesia pada 4 hingga 9 November 2011. Kemusnahan infrastruktur, kehilangan harta benda dan nyawa orang tersayang serta saudara-mara memberi kesan psikologi akibat trauma ekoran pelbagai penderitaan yang dialami masyarakat Aceh Darussalam.



UMK juara pertandingan DiGi's Challenge For Chance My Ideas 2011 A Social Venture Competition for Universities Zon Timur

Sekumpulan pelajar Fakulti Agro Industri dan Sumber Asli (FASA) UMK menjuarai pertandingan DiGi's Challenge For Chance My Ideas 2011 A Social Venture Competition for Universities Zon Timur anjuran bersama syarikat telekomunikasi terkenal negara, DiGi Telecommunications Sdn. Bhd. (DiGi) dan Warisan Global Sdn. Bhd. (Warisan Global) pada 11 – 13 November di Kolej Universiti Shahputra (UCSA), Kuantan, Pahang. Pelajar UMK telah membentangkan idea kepada DiGi untuk mencipta sistem atau aplikasi yang dikenali sebagai HELP.ME dan boleh dimuat turun ke dalam telefon mudah alih dengan kadar bayaran RM5 sebulan.

Program Selangkah ke Universiti dan Pelancaran Buku *A Glimpse of Kelantanese Traditional Food*

Seramai 250 pelajar dari 45 sekolah di daerah Kota Bharu, Tumpat dan Bachok menyertai Program Selangkah ke Universiti di UMK Kampus Pengkalan Chepa, Kelantan pada 14 November 2011. Program anjuran Badan Amal Kebajikan Tenaga Isteri-isteri Menteri dan Timbalan Menteri (BAKTI), Kementerian Pengajian Tinggi dan Kementerian Pelajaran itu bertujuan mendedahkan pelajar tingkatan empat dengan alam universiti sebagai motivasi untuk mereka belajar bersungguh-sungguh. UMK melalui Fakulti Agro Industri dan Sumber Asli (FASA) juga buat pertama kalinya menerbitkan buku *A Glimpse of Kelantanese Traditional Food* memperkenalkan makanan tradisional yang terdapat di negeri Kelantan dalam usaha memperkenalkannya ke peringkat antarabangsa.



Program Science Camp @ Jeli

Lebih 200 pelajar terdiri daripada Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Jeli dan 14 buah sekolah rendah sekitar parlimen Jeli terlibat dalam program *Technology Discovery Centre (TDC)* dan *Science Camp @ Jeli* di Pondok Moden Jeli, Jeli, Kelantan pada 19 – 20 November 2011. Program anjuran UMK melalui Pusat Pembangunan dan Pengurusan Akademik (PPPA) dengan kerjasama syarikat Agilent Technologies Malaysia ini bertujuan memberi panduan dan tunjuk ajar kepada generasi muda tentang penerokaan dunia sains dan teknologi. Program julung kali diadakan itu telah disempurnakan oleh Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Malaysia, YB Dato' Sri Mustapa bin Mohamed.

Pertandingan Debat World Universities Peace Invitational Debate (WUPID) Bahasa Melayu 2011

UMK melakar sejarah sulung dalam Pertandingan *World Universities Peace Invitational Debate Bahasa Melayu (WUPID BM) 2011* apabila menjadi tuan rumah pertandingan debat pertama dalam Bahasa Melayu itu di UMK Kampus Bachok, Kelantan pada 19 hingga 23 November 2011. Pertandingan anjuran dengan kerjasama H&G Strategic Communication Sdn Bhd (H&G) dengan kerjasama Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia (KPT) dan UMK itu



membabitkan penyertaan 24 pasukan dengan kehadiran peserta Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dan universiti luar negara dari Afghanistan, Turki, Kemboja dan Singapura. Pada pertandingan akhir WUPID BM 2011, Universiti Putra Malaysia (UPM) telah dinobatkan sebagai juara dan turut merangkul Anugerah Pendebat Terbaik WUPID BM 2011 melalui Muhammad Badri bin Ishak.

UMK meraih tiga pingat dalam Anugerah Inovasi Bioteknologi 2011

Tiga penyelidik UMK meneruskan kecemerlangan Universiti dalam bidang penyelidikan dan pembangunan (R&D) dengan meraih tiga pingat daripada lima produk inovasi yang dipertandingkan dalam Anugerah Inovasi Bioteknologi sempena Persidangan dan Pameran BioMalaysia 2011 di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC) pada 21 – 23 November 2011. UMK meraih satu pingat emas dan dua pingat gangsa menerusi produk inovasi yang masing-masing dihasilkan oleh Pensyarah Kanan Fakulti Agro Industri dan Sumber Asli (FASA), Dr. Shamsul bin Muhamad, Timbalan Dekan FASA, En. Aweng A/L Eh Rak dan Ketua Jabatan Sains Bumi FASA, Prof. Dr. Razak bin Wahab.



Majlis Ramah Mesra Yang Teramat Mulia Dr. Tengku Muhammad Fa-iz Petra Ibbi Sultan Ismail Petra, Tengku Mahkota Kelantan dan Pro-Canselor UMK bersama warga UMK

Kira-kira 500 warga UMK menghadiri Majlis Program Ramah Mesra Yang Teramat Mulia (YTM), Dr. Tengku Muhammad Fa-iz Petra Ibbi Sultan Ismail Petra, Tengku Mahkota Kelantan dan Pro-Canselor UMK yang diadakan di UMK Kampus Pengkalan Chepa, Kelantan pada 30 November 2011. YTM Tengku Mahkota telah berkenan mencemar duli menghadiri program sebagai tetamu kehormat pada majlis gilang-gemilang tersebut sambil mengambil peluang untuk beramah mesra dengan warga UMK.

Seminar Hasil Eksplorasi Chamah 2011

UMK melalui Fakulti Agro Industri dan Sumber Asli (FASA) menganjurkan Seminar Hasil Eksplorasi Chamah 2011 di UMK Kampus Pengkalan Chepa pada 12 Disember 2011. Seminar ini bertujuan berkongsi hasil penemuan para peserta Ekspedisi Eksplorasi Chamah 2011 anjuran FASA dengan kerjasama Jabatan Perhutanan Negeri Kelantan di Gunung Chamah, Gua Musang, Kelantan pada 24 hingga 29 Julai 2011.

Majlis Lambaian Kasih Prof. Emeritus Dato' Ir. Dr. Zainai bin Mohamed

Hampir 600 staf UMK yang terdiri daripada staf akademik dan bukan akademik menghadiri Majlis Lambaian Kasih Prof. Emeritus Dato' Ir. Dr. Zainai bin Mohamed pada 29 Disember 2011 di UMK Kampus Pengkalan Chepa. Majlis ini diadakan sempena lamatnya tempoh perkhidmatan Prof. Emeritus Dato' Ir. Dr. Zainai bin Mohamed bertugas sebagai Naib Canselor UMK.





13.3 East Coast Economic Region (ECER)



Senarai Program Anjuran Pusat Kecemerlangan ECER-KPT-UMK


1. Program SINAR ECER 2011
2. Program Motivasi Lanjutan Peserta Agropolitan Kelantan Selatan: "Program Muhasabah Diri Menggapai Masa Depan"
3. Latihan Lanjutan Projek Akuaponik Fasa 2, Agropolitan Kelantan Selatan

Program SINAR ECER 2011

Program SINAR ECER merupakan satu program akademik yang dianjurkan oleh Pusat Kecemerlangan ECER-KPT-UMK dengan kerjasama ECERDC dan KESEDAR. Program ini dijalankan di tapak Projek Agropolitan Kelantan Selatan, Gua Musang selama 5 bulan, bermula dari bulan Julai sehingga November. Peserta yang terlibat dalam program tersebut merupakan anak-anak peserta Projek Agropolitan Kelantan Selatan, seramai 27 orang, yang berumur antara 6 tahun sehingga 12 tahun.

Sebelum melaksanakan program ini, perbincangan telah diadakan dengan pihak sekolah dan juga ibu bapa peserta. Berikutan jumlah peserta yang sedikit, terdapat cadangan dari pada pihak ibubapa agar program SINAR ECER ini melibatkan pelajar yang akan menduduki peperiksaan PMR dan SPM. Namun, atas sebab kekangan dari segi tenaga pengajar, maka cadangan ini tidak dapat dilaksanakan. Justeru itu, hanya peserta berumur 12 tahun ke bawah sahaja yang akan melibatkan diri dalam program SINAR ECER 2011.

Bagi program ini, antara aktiviti akademik yang ditekankan dalam program ini adalah melibatkan pembelajaran dalam subjek Bahasa Malaysia, Bahasa



Inggeris, Matematik dan Sains untuk pelajar berumur dari 8 tahun sehingga 12 tahun. Bagi pelajar berumur 6 dan 7 tahun, kelas pembelajaran asas diwujudkan agar mereka dapat mengenal asas kepada 3M iaitu membaca, menulis dan mengira.

Untuk melaksana program SINAR ECER 2011, seramai 5 orang tenaga pengajar telah dilantik bagi membimbing peserta program selama 5 bulan. Tenaga pengajar yang dilantik merupakan pelajar dari Fakulti Agro Sains dan Sumber Asli, Universiti Malaysia Kelantan, dan berminat untuk terlibat dalam aktiviti mendidik dan mengajar anak-anak peserta Agropolitan ini.. Senarai nama tenaga pengajar adalah seperti berikut:

1. Norhafizah Binti Ghazali
*(Ijazah Sarjana Muda Sains Gunaan
(Teknologi Bioindustri))*
2. Nur Izzah Binti Azmi
*(Ijazah Sarjana Muda Sains Gunaan
(Teknologi Bioindustri))*
3. Mohamad Danial Bin Mohammad Dasuki
*(Ijazah Sarjana Muda Sains Gunaan
(Geosains))*
4. Muhamad Azrul Amin Bin Yahaya
*(Ijazah Sarjana Muda Sains Gunaan
(Keusahawanan Teknologi Pertanian))*
5. Muhammad Haniff Bin Ahmad Basir
*(Ijazah Sarjana Muda Sains Gunaan (Sains
Penternakan))*



Tenaga pengajar yang dilantik akan menghadiri program yang diadakan selama 13 minggu, yang mana program diadakan setiap hujung minggu, iaitu hari jumaat dan Sabtu. Untuk program ini, setiap tenaga pengajar dibayar menerusi peruntukan yang diberi oleh pihak ECERDC kepada Pusat Kecemerlangan ECER-KPT-UMK. Sepanjang program dijalankan, semua tenaga pengajar memberikan komitmen yang berterusan dalam menjayakan aktiviti yang dirancang, baik dari kelas akademik mahupun aktiviti permainan. Mereka juga tidak jemu dan bersungguh-sungguh untuk mendidik para pelajar, di samping melayan kerenah mereka.

Majlis penutup program SINAR ECER 2011 telah dijalankan pada 26 November 2011, dirasmikan oleh Pengerusi Sekretariat ECER-KPT-UMK, Prof. Dr. Hj. Ibrahim Bin Che Omar. Majlis tersebut dihadiri wakil daripada ECERDC, KESEDAR dan juga ibubapa peserta. Di majlis penutup tersebut, Prof Ibrahim sempat memberikan ceramah motivasi kepada para pelajar dan juga ibubapa peserta. Antara amanat Prof Ibrahim adalah, beliau berharap, semua pelajar bersungguh-sungguh dalam bidang pembelajaran mereka disamping menasihati ibubapa agar turut sama memantau perkembangan akademik, social dan rohani anak-anak mereka. Di akhir majlis, terdapat sumbangan peralatan persekolahan dan penganugerahan sijil penyertaan program kepada semua pelajar dan tenaga pengajar yang telah menjayakan program SINAR ECER 2011.

Untuk tahun 2012, program SINAR ECER akan diteruskan, dan pada kali ini, dijangkakan jumlah peserta yang bakal terlibat adalah sekitar 400 orang peserta,

yang terdiri daripada pelajar SPM, PMR, UPSR dan pelajar berumur 6 sehingga 11 tahun. Pertambahan jumlah bilangan peserta adalah kerana, pada tahun 2012, seramai 300 keluarga akan menyertai projek Agropolitan Kelantan Selatan yang baru siap dibina penghujung tahun 2011. Diharap, dengan adanya peningkatan jumlah peserta, program ini dapat berjalan dengan lebih lancar, disamping dapat melahirkan peserta yang cemerlang dari segi akademik, sosial dan rohani.



Program Motivasi Lanjutan Peserta Agropolitan Kelantan Selatan: "Muhasabah Diri Menggapai Masa Depan".

Penganjuran Program Motivasi Lanjutan Peserta Agropolitan Kelantan Selatan: "Muhasabah Diri Menggapai Masa Depan" adalah merupakan satu program kerjasama antara UMK dan KESEDAR. Program ini diadakan selama sehari, pada 14 Mei 2011 (Sabtu), dihadiri oleh kakitangan dari UMK, kakitangan KESEDAR dan peserta Agropolitan Kelantan Selatan seramai 10 orang. Tujuan utama penganjuran program ini diadakan adalah seperti berikut:



1. Memberi motivasi dan semangat kepada para peserta dalam mengharungi kehidupan sebagai peserta Agropolitan Kelantan Selatan.
2. Menilai kembali pencapaian peserta selama 2 tahun menjadi peserta Agropolitan Kelantan Selatan, dan berkongsi pengalaman semasa terlibat dalam projek ini.
3. Melatih peserta untuk menjadi "role model" kepada peserta baru yang akan melibatkan diri dalam projek Agropolitan Kelantan Selatan.
4. Mengeratkan semangat silaturrahim antara kakitangan UMK, KESEDAR dan peserta Agropolitan Kelantan Selatan.

Program ini dirasmikan oleh Prof. Dr. Hj. Ibrahim bin Che Omar, selaku Pengerusi Sekretariat ECER-KPT-UMK. Dalam sesi tersebut, Prof Ibrahim telah memberikan sedikit ceramah motivasi yang ringkas kepada para peserta, di samping beramah mesra dengan mereka. Sesi ceramah seterusnya diteruskan oleh Dr. Nik Yusri Musa, menerusi tajuk ceramah "Agama Pegangan Hidup". Melalui slot ini, Dr Nik

Yusri memohon agar para peserta untuk menerapkan prinsip keagamaan dalam kehidupan seharian. Beliau juga sempat mengajar beberapa doa yang sesuai untuk diamalkan setiap masa, bagi kemudahan para peserta.

Sesi seterusnya diteruskan oleh En Burhan Che Daud, menerusi tajuk "Muhasabah Diri". Beliau menekankan aspek penciptaan manusia, dan tujuan manusia hidup di dunia ini. Kesemua sesi ceramah yang disampaikan oleh para jemputan dari UMK itu telah memberi kesan kepada para peserta, dan meningkatkan motivasi mereka dalam menjalankan segala urusan hidup. Turut disampaikan juga, sumbangan berupa barang-barang keperluan asas untuk kegunaan mereka seharian. Sesi program motivasi lanjutan ini diharap dapat dilaksanakan dengan lebih kerap bagi meningkatkan semangat dan motivasi para peserta dalam menempuh kehidupan seharian selaku Peserta Agropolitan Kelantan Selatan.

Latihan Lanjutan Projek Akuaponik Fasa 2, Agropolitan Kelantan Selatan

Latihan lanjutan bagi projek Akuaponik fasa 2 dijalankan sebagai kesinambungan dari projek fasa 1. Untuk projek fasa 2, ianya bermula dari bulan Mac sehingga Ogos 2011. Untuk latihan fasa 2, penglibatan pihak UMK adalah secara berkala dan lebih aktif dari fasa 1. Bagi fasa ini, Dr Lee Seong Wei dan Dr Kassim Buhiran terlibat sebagai penasihat kepada projek ini.



Untuk fasa ini juga, seorang pelajar siswazah di bawah bimbingan Dr. Lee Seong Wei, iaitu Chong Chee Keong. Beliau menjalankan satu kajian bertajuk "Aquaphonic-A modern fish and vegetables farming systems". Dalam tempoh 5 bulan beliau menjalankan kajian tersebut, hamper setiap 2 minggu, beliau akan melawat tapak projek akuaponik dan merekodkan data mengenai pertumbuhan ikan dan sayur dalam sistem tersebut.

Data yang diperoleh akan digunakan dalam penyelidikan beliau. Selain dari merekod data, beliau turut sama terlibat dalam membantu peserta dalam mengendalikan projek akuaponik agar projek tersebut lebih berjaya. Peserta yang mengikuti program ini



amat berterima kasih dengan pertolongan yang disumbang oleh pensyarah dari UMK. Idea-idea yang dicurahkan dapat menambah baik projek tersebut, disamping dapat meningkatkan jumlah pendapatan para peserta, hasil daripada penjualan ikan keli dan sayur.

Untuk fasa ketiga yang bermula sekitar bulan Oktober, projek ini diserahkan sepenuhnya di bawah pengelolaan pihak KESEDAR. Namun, penglibatan pensyarah UMK juga amat diperlukan dalam menambah baik projek akuaponik ini. Di harap, projek ini akan lebih berjaya, dan dapat meningkatkan hasil pendapatan para peserta yang terlibat dalam projek ini.





» KEWANGAN 2011
14.1 Prestasi Kewangan 2011

14.1 Prestasi Kewangan 2011



KUMPULAN

Bagi tahun 2011 Kumpulan telah membelanjakan secara keseluruhannya sebanyak RM127.62 juta. Pendapatan Kumpulan yang merangkumi pemberian kerajaan iaitu peruntukan mengurus, pembangunan - Development Expenditure (DE) & Private Finance Initiative (PFI) dan penyelidikan serta hasil daripada yuran pelajar dan sumber-sumber lain bagi tempoh tersebut ialah sebanyak RM104.68 juta.

Pendapatan Kumpulan adalah berjumlah RM104.68 juta yang meliputi Geran Mengurus RM69.29 juta, Geran Pembangunan RM29.90 juta dan Geran Penyelidikan dari Kerajaan bagi peruntukan Skim Geran Penyelidikan Fundamental (FRGS) dan Skim Geran Penyelidikan Eksploratori (ERGS) berjumlah RM0.62 juta, hasil daripada kutipan yuran pelajar berjumlah RM3.60 juta dan hasil daripada sumber-sumber lain berjumlah RM1.27 juta.

Sebanyak RM127.62 juta telah dibelanjakan yang meliputi belanja mengurus berjumlah RM69.81 juta, belanja pembangunan (DE & PFI) berjumlah RM57.66 juta dan perbelanjaan penyelidikan RM0.14 juta serta perbelanjaan anak syarikat yang berjumlah RM0.01 juta. Perbelanjaan terbesar adalah bagi perbelanjaan mengurus iaitu 54.70% daripada jumlah keseluruhan perbelanjaan.




UNIVERSITI

Bagi tahun 2011 Universiti telah membelanjakan secara keseluruhannya (mengurus, pembangunan dan penyelidikan) sebanyak RM127.61 juta iaitu pertambahan sebanyak 17.70% (RM19.19 juta) berbanding perbelanjaan pada tahun 2010 sebanyak RM108.42 juta. Pendapatan Universiti yang merangkumi pemberian kerajaan iaitu peruntukan mengurus, pembangunan - Development Expenditure (DE) & Private Finance Initiative (PFI) dan penyelidikan serta hasil daripada yuran pelajar dan sumber-sumber lain bagi tempoh tersebut ialah sebanyak RM104.68 juta iaitu berkurang sebanyak 28.53% (RM41.78 juta) berbanding pendapatan pada tahun 2010 sebanyak RM146.46 juta.




RM JUTA




**Carta 1 : Perbandingan Pendapatan dan Perbelanjaan
 Universiti Tahun 2010 dan 2011**



Pendapatan Universiti adalah berjumlah RM104.68 juta (2010 : RM146.46 juta) yang meliputi Geran Mengurus RM69.29 juta (2010 : RM59.09 juta), Geran Pembangunan RM29.90 juta (2010 : RM82.68 juta) dan Geran Penyelidikan dari Kerajaan bagi peruntukan Skim Geran Penyelidikan Fundamental (FRGS) dan Skim Geran Penyelidikan Eksploratori (ERGS) berjumlah RM0.62 juta (2010 : RM0.16 juta), hasil daripada kutipan yuran pelajar berjumlah RM3.60 juta (2010 : RM4.16 juta) dan hasil daripada sumber-sumber lain berjumlah RM1.27 juta (2010 : RM0.37 juta).





■ Hasil Pelajar / Sumber Lain ■ Geran Kerajaan



■ Hasil Pelajar / Sumber Lain ■ Geran Kerajaan

Carta 2 : Perbandingan Sumber Pendapatan Universiti Tahun 2010 dan 2011

Sebanyak RM127.61 juta (2010: RM108.42 juta) telah dibelanjakan yang meliputi belanja mengurus berjumlah RM69.81 juta (2010: RM66.92 juta), belanja pembangunan (DE & PFI) berjumlah RM57.66 juta (2010: RM41.34 juta) dan perbelanjaan penyelidikan RM0.14 juta (2010: RM0.16 juta). Perbelanjaan terbesar adalah bagi perbelanjaan mengurus iaitu 54.71% daripada jumlah keseluruhan perbelanjaan.




Carta 3 : Perbandingan Pecahan Perbelanjaan Universiti bagi Tahun 2010 dan 2011

KUMPULAN WANG MENGURUS | 4.1 Prestasi Kewangan 2011

Geran kerajaan diterima bagi tahun 2011 adalah sebanyak RM69.29 yang merangkumi peruntukan asal berjumlah RM63.00 juta dan peruntukan tambahan yang berjumlah RM6.29 juta iaitu meningkat sebanyak 17.26% (RM10.20 juta) berbanding jumlah yang diterima dalam tahun 2010 iaitu sebanyak RM59.09 juta. Geran kerajaan merupakan 94.25% daripada jumlah pendapatan Kumpulan Wang Mengurus yang berjumlah RM73.52 juta (2010 : RM63.62 juta). Manakala 4.90% adalah hasil yang diterima daripada kutipan yuran pelajar berjumlah RM3.60 juta (2010 : RM4.16 juta) dan 0.85% adalah hasil dari sumber-sumber lain berjumlah RM0.63 juta (2010 : RM0.37 juta).




RM JUTA



Carta 4 : Perbandingan Pendapatan dan Perbelanjaan Kumpulan Wang Mengurus Universiti Tahun 2010 dan 2011




2010



■ Hasil Pelajar ■ Geran Kerajaan ■ Pendapatan Lain



2011



■ Hasil Pelajar ■ Geran Kerajaan ■ Pendapatan Lain




Carta 5 : Perbandingan Sumber Pendapatan Kumpulan Wang Mengurus Universiti Tahun 2010 dan 2011




Perbelanjaan mengurus bagi tahun 2011 yang berjumlah RM69.81 juta telah meningkat sebanyak 4.32% (RM2.89 juta) berbanding tahun 2010 yang berjumlah RM66.92 juta. Perbelanjaan ini merangkumi Emolumen RM27.98 juta (2010: RM21.60 juta), Perkhidmatan & Bekalan RM32.82 juta (2010 : RM32.39 juta), Perbelanjaan Aset RM3.60 juta (2010 : RM6.28 juta), Bayaran Projek dalam Kemajuan RM3.12 juta (2010 : RM4.97 juta) dan Perbelanjaan Lain RM2.29 juta (2010 : RM1.68 juta). Perbelanjaan ke atas perkhidmatan dan bekalan merupakan perbelanjaan yang terbesar iaitu 47.01% daripada jumlah keseluruhan perbelanjaan mengurus.



2010



2011



Carta 6 : Perbandingan Pecahan Perbelanjaan Mengurus Universiti bagi Tahun 2010 dan 2011


KUMPULAN WANG PEMBANGUNAN

Peruntukan pembangunan yang diterima adalah bagi tujuan pembayaran sumbangan projek bekalan air dan pembinaan bangunan Kampus Bachok dan Jeli. Peruntukan yang diterima sehingga Disember 2011 berjumlah RM29.90 juta (2010 : RM82.68 juta) yang terdiri daripada RM3.60 juta (2010 : RM25.12 juta) bagi DE (Development Expenditure) dan RM26.30 juta (2010 : RM57.56 juta) bagi PFI (Private Finance Initiative). Manakala pendapatan lain berjumlah RM0.64 juta adalah daripada keuntungan simpanan tetap. Jumlah keseluruhan pendapatan Kumpulan Wang Pembangunan pada tahun 2011 adalah sebanyak RM30.54 juta.

Perbelanjaan pembangunan bagi tahun 2011 berjumlah RM57.66 juta, bertambah sebanyak 39.48% atau RM16.32 juta berbanding RM41.34 juta pada tahun 2010. Semua perbelanjaan pembangunan adalah merupakan projek dalam kemajuan.



RM JUTA




Carta 7 : Perbandingan Pendapatan dan Perbelanjaan Kumpulan Wang Pembangunan Universiti Tahun 2010 dan 2011

KUMPULAN WANG PENYELIDIKAN




Sehingga Disember 2011, Universiti telah menerima geran penyelidikan daripada Kerajaan berjumlah RM623,400 yang terdiri daripada RM578,400 (2010 : RM157,500) bagi Skim Geran Penyelidikan Fundamental (FRGS) dan RM45,000 bagi Skim Geran Penyelidikan Eksploratori (ERGS). Tiada geran penyelidikan bagi Skim Geran Penyelidikan Eksploratori (ERGS) diterima daripada kerajaan bagi tahun 2010. Perbelanjaan penyelidikan bagi tahun 2011 adalah berjumlah RM140,539 (2010 : RM163,516). Perbelanjaan pada tahun 2010 adalah termasuk perolehan aset penyelidikan sebanyak RM74,160 dan tiada perolehan aset penyelidikan bagi tahun 2011.

2010



2011




Carta 8 : Perbandingan Pendapatan Kumpulan Wang Penyelidikan Tahun 2010 dan 2011



PEROLEHAN HARTA MODAL

Jumlah perolehan harta modal adalah sebanyak RM3.79 juta terdiri daripada RM3.60 juta harta modal bagi Kumpulan Wang Mengurus dan RM0.19 juta harta modal bagi Kumpulan Wang Amanah dan Penyelidikan. Tiada perolehan harta modal bagi belanja pembangunan (tidak termasuk projek dalam kemajuan yang diklasifikasikan ke aset tetap yang berjumlah RM84.38 juta).

Jumlah perolehan harta modal adalah sebanyak RM3.79 juta (2010 : RM6.39 juta) yang terdiri daripada perolehan Kenderaan RM0.04 juta (2010 : RM0.74 juta), Komputer RM1.09 juta (2010 : RM2.11 juta), Perabot, Alatan & Kelengkapan Lain RM2.61 juta (2010 : RM3.24 juta), Bangunan dan Pembaikan Bangunan RM0.05 juta (2010 : RM0.30 juta).



Carta 9 : Perbandingan Pecahan Perolehan Harta Modal Universiti Tahun 2010 dan 2011



**SIJIL KETUA AUDIT NEGARA
MENGENAI PENYATA KEWANGAN
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2011**

Penyata Kewangan Universiti Malaysia Kelantan bagi tahun berakhir 31 Disember 2011 telah diaudit oleh wakil saya. Pihak pengurusan bertanggungjawab terhadap Penyata Kewangan ini. Tanggungjawab saya adalah mengaudit dan memberi pendapat terhadap Penyata Kewangan tersebut.

Pengauditan telah dilaksanakan mengikut Akta Audit 1957 dan berpandukan piawaian pengauditan yang diluluskan. Piawaian tersebut menghendaki pengauditan dirancang dan dilaksanakan untuk mendapat kepastian yang munasabah sama ada Penyata Kewangan adalah bebas daripada kesilapan atau ketinggalan yang ketara. Pengauditan ini termasuk memeriksa rekod secara semak uji, menyemak bukti yang menyokong angka dan memastikan pendedahan yang mencukupi dalam Penyata Kewangan. Penilaian juga dibuat terhadap prinsip perakaunan yang digunakan, unjuran signifikan oleh pengurusan dan persembahan Penyata Kewangan secara keseluruhan. Saya percaya pengauditan yang dilaksanakan memberi asas yang munasabah terhadap pendapat saya.

Pada pendapat saya, Penyata Kewangan ini memberi gambaran yang benar dan saksama terhadap kedudukan kewangan Universiti Malaysia Kelantan dan Kumpulan pada 31 Disember 2011, hasil operasi dan aliran tunai untuk tahun tersebut berdasarkan piawaian perakaunan yang diluluskan.

Saya telah mempertimbangkan Penyata Kewangan dan laporan juruaudit bagi syarikat subsidiari yang tidak diaudit oleh saya seperti yang dinyatakan dalam nota kepada Penyata Kewangan Disatukan. Saya berpuas hati bahawa Penyata Kewangan berkenaan telah disatukan dengan Penyata Kewangan Universiti Malaysia Kelantan adalah dalam bentuk dan kandungan yang sesuai dan wajar bagi tujuan penyediaan Penyata Kewangan Disatukan. Saya juga telah menerima maklumat dan penjelasan yang memuaskan sebagaimana yang dikehendaki bagi tujuan tersebut.

Laporan juruaudit mengenai Penyata Kewangan syarikat subsidiari berkenaan tidak mengandungi sebarang pemerhatian yang boleh menjejaskan Penyata Kewangan yang disatukan.


(LIM CHIN TEONG)
b.p. KETUA AUDIT NEGARA
MALAYSIA

PUTRAJAYA
08 OGOS 2012




PENYATA PENERUSI DAN SEORANG AHLI LEMBAGA PENGARAH


